


Jilid I
Bil. 11



Hari Rabu
20hb November, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada
Ucapan Terima Kasih [Ruangan 925]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
926]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 949]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975 [Ruangan 949]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1974 [Ruangan 947]

Akta Eksais, 1961—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 [Ruangan 947]

Ordinan Eksais Sabah (No. 18), 1959—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974 [Ruangan 948]

Ordinan Eksais Sarawak (Cap 27)—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974 [Ruangan 949]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 20hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- " Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- " Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID K.M.N. (Raub).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- " Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN MOHD. SHARIFF (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- " TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- " DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- " TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- " TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- " PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- " TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- " TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- " TUAN PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- " TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- " TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- " TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- " TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Baru).
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

Yang Berhormat TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

" DR CHEN MAN HIN (Seremban).

" TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

" TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

" TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

" TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

" TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

" TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

" TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

" TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

" DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

" TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

" TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

" DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

" TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).

" DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).

" TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

" TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

" TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johore Bahru).

" TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

" TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

" TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok-Antu).

" TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

" TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

" TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

" TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

" TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

" TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

" TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).

" TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).

" TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

" DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

" DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

" TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

" TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).

" DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

" TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

" TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

" TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

" TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

" TUAN HAJI MOHAMED TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).

" TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

" DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat DATUK SYED NAHAR BIN TUAN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- " RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- " TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- " TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " TUAN OO GIN SUN (Alor Star).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- " TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- " TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- " TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutung).
- " TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- " TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- " TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- " TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- " TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- " TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- " DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- " TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- " TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Besut).
- " TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- " Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. HAJI UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA

TITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGONG KEPADA UCAPAN TERIMA KASIH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah saya memaklumkan bahawa pada petang semalam, saya telah menerima sepucuk surat daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kandungannya saya akan bacakan sekarang.

“QAULUHUL HAK

Warkah al-ikhlas wal-muhibbah iaitu daripada Beta Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-mahrum Sultan Badli Shah, Yang di-Pertuan Agong, Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Rabbul 'alamin ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil bin Haji Nik Mahmood, D.K., S.P.M.K., P.M.N., S.J.M.K. Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, yang ada beristirehat al-khair pada masa ini di Bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan.

Ada pun kemudian daripada itu Beta memaklumkan bahawa surat Tan Sri bertarikh 11hb November, 1974 kerana menyampaikan ketetapan Ucapan Terima Kasih Majlis Dewan Rakyat Malaysia, kerana Titah Ucapan Beta pada masa membuka Penggal Yang Pertama Majlis Parlimen Yang Keempat yang lalu telah Beta terima dengan selamatnya. Beta adalah mengucapkan berbilang-banyak terima kasih jua. Beta meminta kelapangan Tan Sri apalah kiranya Tan Sri menyampaikan terima kasih Beta kepada sekalian Ahli-ahli Majlis Dewan Rakyat Malaysia kerana membuat ketetapan tersebut, dan jua di atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah ditunjukkan kepada Beta itu akan dikandungkan di dalam ingatan Beta selama-lamanya.

Sekianlah sahaja Beta maklumkan serta diiringi dengan salam jua adanya.

Termaktub pada 17hb November, 1974.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENDAFTARAN PENGUNDI- PENGUNDI—PEMBATALAN

1. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab pembatalan pendaftaran pengundi-pengundi secara besar-besaran dan pengundi-pengundi yang layak yang sudah berusia umur kelayakan iaitu 21 tahun yang tidak didaftarkan bagi tujuan mengundi dalam Pilihanraya Umum, 1974 dan apakah siasatan, pembaikan dan pembaharuan telah atau sedang dijalankan untuk memastikan bahawa setiap pengundi yang layak itu didaftarkan dalam buku daftar pengundi untuk memberi makna kepada proses demokrasi.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan dengan isi yang sama telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan dari Kinabatangan pada 6hb November, 1974, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jawapan-jawapan dengan sepenuhnya. Kerajaan pada masa ini tidak ada apa-apa untuk hendak ditambah.

PENCEN—MENAIKKAN

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada beliau akan mengarah penguatkuasaan sebuah Jawatankuasa berperingkat tinggi untuk mencadangkan kenaikan pencen supaya padan dengan kenaikan sara hidup dalam Negara kita dan juga untuk merekomenkan cara-cara untuk mempercepatkan cara memproses dan membayar pencen supaya dapat meringankan kesusahan kakitangan-kakitangan dan pekerja-pekerja Kerajaan yang sudah bersara dan
- (b) samada Kerajaan akan membayar bonus sebulan kepada semua orang yang berpencen sebagai satu tindakan sementara untuk mengatasi kesusahan ekonomi orang-orang yang berpencen sehingga persediaan dan pelaksanaan saranan-saranan untuk menambahkan bayaran pencen ke taraf yang lebih realistik dan adil.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan pada masa ini tidak bercadang menubuhkan sesuatu Jawatankuasa untuk mencadangkan kenaikan pencen kerana perkara ini telahpun dikaji dan Kerajaan telahpun mengarahkan supaya Elaun Bantuan Khas dibayar kepada pesara-pesara mulai 1hb Oktober, 1973. Sejajar dengan tujuan ini jua Elaun Tambahan telah jua diluluskan untuk dibayar kepada pesara-pesara sebagai menggantikan Elaun Sara Hidup mulai 1hb Januari, 1973. Selain daripada itu, Kerajaan telah juga memutuskan supaya pesara-pesara yang telah bersara selama 12½ tahun dipulihkan semula menjadi pencen penuh.

Dengan tujuan mempercepatkan lagi proses pembayaran pencen Jabatan Perkhidmatan Awam telah melancarkan rancangan memusatkan segala aktiviti pembayaran pencen di Bahagian Pencen Jabatan Perkhidmatan Awam; sebelum itu pembayaran pencen adalah diselenggarakan oleh Pejabat Akauntan Negara. Selain daripada memusatkan aktiviti pembayaran pencen Bahagian Pencen jua sedang memulakan pembayaran pencen dengan menggunakan komputer.

- (b) Kerajaan tidak bercadang hendak membayar bonus sebulan kepada pesara-pesara.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pesara-pesara sangat tidak puashati dengan pencen yang dibayar sekarang oleh kerana scale atau sekim pencen ditetapkan lama dahulu dan adakah Kementeriannya menerima petition atau memorandum daripada persatuan-persatuan pesara untuk mengkaji semula bayaran pencen?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Syed Zahiruddin telah mengkaji masalah pencen ini dan jawatankuasa ini akan melaporkan kepada Kerajaan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan Kerajaan telah membayar beberapa elaun kepada pesara-pesara.

Adakah beliau sedar semua bantuan khas yang telah dibayar kepada pesara-pesara tidak mencukupi oleh sebab makin hari makin bertambah sara hidup di tanahair kita? Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi pihak Kerajaan menjelaskan bahawa Kerajaan akan mengkaji untuk membayar elaun atau satu bulan bonus ini kepada semua pesara supaya mereka boleh hidup?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jelaskan tadi perkara ini pun dikaji pada keseluruhannya oleh sebuah jawatankuasa dan apa-apa cadangan daripada Ahli Yang Berhormat tentu akan ditimbang.

DAFTAR PENGUNDI-PENGUNDI

3. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa sistem mendaftarkan pengundi-pengundi masa ini adalah sangat tidak cekap dan beribu-ribu orang yang layak mengundi tidak diberi peluang untuk mengundi oleh kerana sesuatu sebab. Jika ya, adakah Kerajaan akan menimbang mengemukakan suatu sistem pendaftaran pengundi-pengundi sepanjang tahun.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir sama pada 6hb November, 1974 telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini.

Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan menjalankan pendaftaran dan penyemakan semula pendaftaran sepanjang tahun.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa masa untuk pendaftaran pengundi pada tahun ini ialah mulai daripada 3hb November hingga 17hb November, maknanya cuma 15 hari sahaja diberi kepada warganegara di tanahair kita untuk mendaftarkan namanya sebagai pengundi? Bolehkah Setiausaha Parlimen menjelaskan bahawa di masa akan datang kalau sekiranya Kerajaan tidak menerima cadangan kita untuk mendaftarkan nama pengundi sepanjang tahun, boleh memanjangkan masa itu bukan 2 minggu tetapi sekurang-kurangnya 3 bulan dalam setahun?

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menjawab soalan itu, kerana saya seorang daripada Ahli Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Perdana Menteri dalam perkara mengkaji semula perkara pendaftaran pengundi. Saya telah berjumpa dengan Pengerusi Suruhanjaya dan perkara ini akan dimesyuaratkan dalam segala perkara yang timbul dalam pilihanraya yang lalu akan ditimbang dan dikemukakan kepada Kerajaan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara atau Setiausaha Parlimen sedar bahawa di dalam masa untuk mendaftarkan nama mengundi ada dibeberapa tempat tidak ada borang walaupun ramai warganegara pergi ke tempat itu untuk mendaftarkan namanya, dan lagi adakah beberapa tempat yang kata hendak buka tiap-tiap hari mulai pukul 5 hingga pukul 6 tetapi tidak dibuka langsung? Oleh sebab itu, rakyat di tanahair kita hilanglah peluang untuk mendaftarkan namanya sebagai pengundi.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kalau sebenarnya perkara itu berlaku, maka tiap-tiap rakyat berhak memohon dan meminta samada melalui talipon atau bersurat, berapa banyak pun borang untuk mendaftar boleh diberi kepadanya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang menyatakan tadi bahawa selain daripada beliau menjadi Menteri dilantik untuk mengkaji perkara ini, bolehkah beliau menyatakan samada orangramai atau Ahli-ahli Parlimen akan dijemput untuk membuat syor-syor, cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan mengenai semakan semula dan pendaftaran pengundi-pengundi supaya menjamin semua warganegara boleh mendapat hak mengundi pada pilihanraya atau pilihanraya kecil di masa depan?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, apakala jawatankuasa yang dilantik itu mesyuarat, perkara itu akan ditimbangkan. Sekiranya mustahak akan diminta pandangan daripada luar.

PEMBORONG-PEMBORONG (KONTREKTOR) MELAYU— BAYARAN

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan memberi arahan kepada semua Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk membuat pembayaran dengan cepat kepada pemborong-pemborong (kontrektor) Melayu supaya mereka dapat mengekalkan kedudukan mereka dalam bidang pemborongan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, adalah sentiasa menjadi tujuan Kerajaan untuk membayar bil-bil kontrektor dengan seberapa segeranya. Arahan-arahan untuk mencapai tujuan ini sedia ada terkandung dalam Arahan Perbendaharaan dan untuk menegaskan perkara ini, Kementerian saya telah juga mengeluarkan satu Surat Pekeliling Perbendaharaan dalam bulan Januari 1970 bagi menarik perhatian semua Ketua Jabatan kepada arahan-arahan tersebut.

Arahan-arahan ini menghendaki supaya bil-bil dijelaskan dalam tempoh tidak lewat dari satu bulan dari tarikh ianya disampaikan. Mungkin bila mana kelewatan berlaku, kelewatan itu adalah akibat daripada kontrektor yang tidak mematuhi perbekalan dan syarat-syarat sesuatu kontrak itu. Walau bagaimanapun, dalam apa-apa keadaan jua, Perbendaharaan sentiasa waspada akan masalah ini dan bila mana aduan diterima, Jabatan-jabatan yang berkenaan adalah diingatkan tentang perlunya membuat bayaran dengan segera.

UNDANG-UNDANG ANTI-BURUH

5. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau dan menteri-menteri lain telah berjanji kepada M.T.U.C. bahawa Kerajaan akan meminda undang-undang yang "ANTI-BURUH" dan jika ya, bilakah itu akan dipenuhi.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada mempunyai undang-undang "anti-buruh" dalam negara kita. Oleh yang demikian, soalan tersebut tidaklah berbangkit.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa hendak ditambah lagi? Yang Berhormat Menteri sudah mengatakan tak berbangkit—habislah.

Dr Tan Chee Khoon: Itu pada pandangan beliau sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Boleh bertanya dan saya dengar samada boleh dibenarkan ataupun tidak.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa M.T.U.C. telah beberapa kali berhubung dengan bekas Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat bahawa mereka menyatakan bukan mereka tidak berpuashati tentang beberapa undang-undang buruh, tetapi mereka kata beberapa undang-undang buruh ialah anti-buruh dan mereka telah mencadangkan supaya Kerajaan meminda undang-undang tersebut.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan daripada Ahli Yang Berhormat. Bagi pihak kami tak bersetuju iaitu undang-undang itu adalah anti-buruh, dan bagi pihak Kerajaan kami tidak ada undang-undang yang anti-buruh.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan satu specific case iaitu adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa seorang pemimpin atau pegawai di dalam sebuah kesatuan sekerja tidak boleh menjadi pegawai di dalam partai siasah. Ini pada pendapat pekerja-pekerja di tanahair kita ialah satu undang-undang anti-buruh dan jika beliau sedar bolehkah Kerajaan mengubah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sudah jawab. Katanya tidak ada undang-undang yang anti-buruh.

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak memberitahu kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa saya telah memberitahu kepada Menteri yang berkenaan mengenai undang-undang ini iaitu seseorang yang menjadi pegawai di dalam kesatuan sekerja tidak boleh menjadi pegawai di dalam parti siasah. Ini undang-undang anti-buruh pada pendapat pekerja-pekerja.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, orang yang tersebut itu telah ditolak oleh rakyat sekalian oleh kerana dalam pilihanraya yang baru lepas ini apabila beliau bertanding dalam pilihanraya beliau telah tidak dipilih oleh rakyat. In bermakna bahawa pandangan itu tidak diterima oleh rakyat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya pihak Menteri ada hind-sight. Yang di-Pertua tidak tahu siapa dia yang bersangkutan-paut itu.

TABUNG PEKERJAAN

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada Kerajaan akan berusaha mengadakan Pekerjaan Penuh dengan tujuan memberi pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia untuk menyelesaikan masalah pengangguran; dan
- (b) samada Kerajaan akan menimbang menubuhkan satu Tabung Pekerjaan untuk membantu dan menampung rakyat yang mana Kerajaan dan perancang-perancang ekonomi kebangsaan tidak dapat memberi pekerjaan walaupun mereka bersedia bekerja.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua

- (a) Tujuan Kerajaan ialah untuk mencapai Pekerjaan Penuh, Tujuan ini akan hanya dapat dicapai dalam masa yang lama. Dengan perkembangan tenaga buruh sebanyak 2.9% setahun yang telah dirangka, dan matlamat pekerjaan mengikut sektor yang meningkat kepada 3.2% setahun dalam masa dua puluh tahun yang akan datang, kami seharusnya dapat mencapai Pekerjaan Penuh dalam tahun 1990.
- (b) Tidak ada sebarang rancangan sekarang untuk menubuhkan satu Tabung Pekerjaan. Faedah-faedah pengangguran akan dipertimbangkan dalam lingkungan Sekim Keselamatan Sosial Pekerja setelah lain-lain perkara yang memerlukan keutamaan-keutamaan yang lebih tinggi diliputi.

SEKOLAH RENDAH CHINA— KEKURANGAN KELAS

7. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab kekurangan kelas-kelas dan guru-guru di sekolah-sekolah rendah aliran China, dan adakah langkah-langkah perlu telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada kekurangan kelas-kelas di sekolah-sekolah rendah aliran China. Apa yang telah berlaku ialah ibubapa-ibubapa sentiasa ingin menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang terpilih ataupun sekolah-sekolah yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka. Bilangan murid-murid bagi tiap-tiap sekolah adalah terhad. Kanak-kanak yang tidak dapat diterima oleh sesebuah sekolah terpaksa ditempatkan di sekolah-sekolah lain.

Mengenai kekurangan guru-guru terlatih, saya ingin memaklumkan bahawa kekurangan ini terdapat di semua jenis sekolah. Untuk mengatasi perkara ini, Kementerian Pelajaran telah melantik guru-guru sementara yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang dikehendaki. Untuk menampung kekurangan guru-guru terlatih, Kementerian Pelajaran ada rancangan hendak menambahkan bilangan guru-guru pelatih dari setahun ke setahun dan untuk maksud ini, 4 buah maktab-maktab perguruan baru akan dibina.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Petaling Jaya tiap-tiap tahun ada 500-600 murid-murid, yang tidak dapat masuk ke sekolah tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah Kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah ini?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan dahulu berkenaan dengan soal yang sama, iaitu ada tempat-tempat di sekolah-sekolah yang lain yang berdekatan yang mana ibubapa daripada Petaling Jaya dapat menghantar anak-anak mereka. Sebenarnya jawapan saya pada

bahagian yang pertama telahpun menerangkan bahawa kekurangan ini ialah akibat pemilihan oleh ibubapa tentang sekolah yang mereka ingin menghantar anak mereka.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar mulai daripada tahun 1970 bilangan murid-murid yang memasuki Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) telah bertambah banyak? Oleh sebab itu adakah mulai daripada tahun 1970 kerajaan ada membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) untuk memenuhi keperluan murid-murid tersebut?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan beberapa kali bahawa ada tempat bagi murid-murid ini kalau mereka tidak memilih sekolah. Sebabnya ternampak adanya kekurangan ini ialah oleh kerana ibubapa ingin menghantar anak mereka kepada sekolah-sekolah yang dipilih oleh mereka sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Di kawasan Petaling, saya rasa keadaan bukan seperti yang disebutkan oleh Menteri. Di kawasan Petaling ialah kawasan saya, ada sebuah sekolah sahaja. Di sana ibubapa tidak ada peluang memilih sekolah dan tiap-tiap tahun masalah ini ada berlaku. Bolehkah . . .

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apakah soalan Yang Berhormat hendak bertanya?

Tuan Oh Keng Seng: Tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab iaitu lain daripada apa yang saya bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hanya membuat statement sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Bukan statement tetapi soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak bertanya, boleh!

Tuan Oh Keng Seng: Ya. Tadi saya ada bertanya, oleh kerana kawasan Petaling hanya ada sebuah sekolah sahaja dan ibubapa tidak dapat memilih sekolah lain. Mereka hendak pergi ke mana? Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah langkah yang akan diambil oleh kerana ibubapa tidak ada pilihan (choice).

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri sudah jawab, katanya ibubapa yang suka memilih. Biarlah bertanya soalan yang lain pula.

Tuan Oh Keng Seng: Beliau berkata ibubapa suka memilih sekolah, tetapi keadaan di kawasan saya ibubapa tidak memilih sekolah-sekolah.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan iaitu kalau ibubapa di Petaling Jaya itu memilih sekolah itu sahaja, maka sudah tentulah ada kekurangan. Di mana-mana sekolah juga kadang-kadang ibubapa terpaksa menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah yang jauh daripada rumah mereka dan tidak dipilih oleh mereka kerana tidak ada tempat dan perkara ini berlaku bukan sahaja di dalam sekolah-sekolah aliran China, tetapi juga di lain-lain aliran.

HEROIN KEPADA BANDUAN-BANDUAN

8. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa dadah seperti "heroin" telah dijual kepada banduan-banduan oleh warder-warder penjara di penjara-penjara yang tertentu di negara kita; jika ya, apa tindakan telah diambil untuk menghapuskan pengedaran dadah tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum dan merupakan tohmah semata-mata. Kalau beliau boleh terangkan lagi sedikit, saya boleh cuba menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut peraturan, sesiapa yang membuat statement, dia adalah bertanggungjawab atas betul atau tidaknya.

Menteri menjemput Ahli Yang Berhormat itu memberikan detail sedikit, sebab soalan ini umum sangat. Di penjara manakah, misalnya.

Tuan Farn Seong Than: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada detail.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bermakna Yang Berhormat membuat pertanyaan ini sebagai satu statement dan Yang Berhormat tidak

sanggup bertanggungjawab. Mengikut Peraturan Mesyuarat, bila seseorang Ahli Yang Berhormat membuat statement, Ahli Yang Berhormat itu akan bertanggungjawab atas betul atau tidaknya statement itu.

PEKEBUN-PEKEBUN KECIL

9. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengurangkan penderitaan hidup pekebun-pekebun kecil disebabkan kejatuhan harga getah dan harga barang-barang keperluan yang tinggi sekarang ini. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

HARGA GETAH

18. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah tegas dan segera yang dijalankan untuk menaikkan harga getah dan juga nyatakan langkah jangka panjang yang sedang dan diusahakan ke arah itu.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa ada dua soalan, iaitu soalan No. 9 dan soalan No. 18 yang berkaitan di antara satu sama lain, saya suka mengambil kesempatan menyatukan jawapan bagi kedua-dua soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri boleh sambungkan kedua-duanya sekali.

Datuk Musa Hitam: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, turtannya harga getah baru-baru ini terutamanya adalah disebabkan oleh keadaan ekonomi merosot dan masalah kewangan yang dihadapi oleh negara-negara perusahaan, seperti di Eropah, Amerika Utara dan Jepun. Pada akhir-akhir ini penggunaan getah negara-negara tersebut telah berkurangan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dan akan mengambil langkah-langkah tertentu dari semasa ke semasa, kedua-dua dari segi jangka pendek dan jangka panjang, dengan tujuan menstabilkan harga getah terutama sekali dari segi kepentingan pekebun-pekebun kecil. Dalam hal ini, beberapa langkah jangka pendek segera telah diambil baharu-baharu ini bila keadaan memaksa. Di

antaranya ialah perlaksanaan sekim penye-larasan stok yang menghendaki pengeksport/pemilik estet menambahkan stok masing-masing lebih 10% dari simpanan biasa, dan pembelian getah oleh Kerajaan sendiri dalam pasaran.

Pada saat ini, memandangkan kepada keadaan harga getah sekarang, Kerajaan sedang aktif memberi keutamaan mengkaji kemungkinan melaksanakan kedua-dua langkah jangka pendek dan jangka panjang. Di antara langkah-langkah jangka pendek yang sedang dipertimbangkan ialah menentukan supaya pengeluaran dapat dikurangkan dengan cara-cara seperti penangguhan penggunaan ethrel, dan mempercepatkan tanaman semula di sektor estet.

Dari segi jangka panjang pula, Kerajaan sedang mengambil inisiatif dan akan berbincang dengan beberapa negara pengeluar getah asli. Antara perkara-perkara yang sedang dipertimbangkan ialah penubuhan Sekim Stok Penimbal dan pasaran bersama bagi Negara-negara Pengeluar Getah Asli. Langkah-langkah jangka panjang ini akan mengambil masa sedikit oleh sebab ia berkehendakkan fahaman dan kerjasama penuh Kerajaan-kerajaan lain. Butir-butir lanjut langkah-langkah jangka pendek akan saya umumkan tidak berapa lama lagi sebaik sahaja ianya dipersetujui oleh Kerajaan.

Dengan cara tidak langsung pula Kerajaan juga sedang pesat melaksanakan rancangan-rancangan yang tersendiri melalui agensi-agensi Kerajaan iaitu RISDA dan MARDEC khas bagi membantu pekebun-pekebun kecil. Pembaharuan pertanian sedang diperkenalkan terhadap sektor ini melalui RISDA dengan rancangan kredit baja, penubuhan Pusat Memproses Getah Berkelompok, tanaman kontan dan penjualan secara berkelompok bagi getah pekebun-pekebun kecil. Aktibiti-aktibiti MARDEC telah diperluaskan kawasannya dengan tujuan memberikan kemudahan-kemudahan memproses serta kemudahan pasaran kepada pekebun-pekebun kecil. Aktibiti-aktibiti ini dirancang supaya pekebun-pekebun kecil mendapat pendapatan yang berpatutan.

Tuan Lew Sip Hon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa adakah kemungkinan bagi Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk membeli getah secara terus daripada

pekebun-pekebun kecil supaya harga getah dapat distabilkan?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang berbangkit daripada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkehendakkan kajian yang mendalam, terutama sekali dari segi praktiknya oleh sebab ia melibatkan beberapa soal pentadbiran dan soal physical. Walau bagaimanapun, saya akan mengarahkan pegawai-pegawai Kementerian saya, terutama sekali Badan-badan berkanun seperti MREL, RISDA dan MARDEC mengkaji kemungkinan ini supaya seberapa daya-upaya kita dapat melaksanakan syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Ja'afar bin Hamzah: Soalan tambahan. Ada khabar-khabar angin di Negeri Johor sendiri yang mana pekebun-pekebun kecil telah diminta menjual getahnya masing-masing yang ada sekarang disebabkan harga getah akan jatuh lagi di Johor? Jika benar berita-berita ini, maka apakah langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar atas kejadian yang telah berlaku seperti yang dilaporkan di dalam satu akhbar tempatan di atas soal harga getah di kawasan-kawasan kampung di Negeri Johor. Saya percaya mungkin keadaan ini terjadi di seluruh negara. Pada pendapat saya sebabnya telah terjadi keadaan ini ialah atas dua faktor:

Satu, ialah disebabkan oleh pihak anasir-anasir yang suka mengancam kedudukan ekonomi kita dan menakutkan rakyat serta memburuk-burukkan keadaan ekonomi negara kita ini supaya orang-orang kampung tidak ada kepercayaan kepada Kerajaan.

Kedua, ialah perkara ini terjadi disebabkan oleh mereka, terutama sekali mereka yang berdagang di dalam getah, yang cuba mengambil kesempatan (opportunity) supaya harga getah betul-betul turun begitu jauh sehinggakan mereka dapat membelinya dengan harapan bahawa apabila harga getah itu naik nanti, maka mereka dapat menjualnya pula dengan keuntungan yang besar. Terutama sekali apabila mereka mendengar bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang tegas.

Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menasihatkan pekebun-pekebun kecil di seluruh negara kita supaya berhati-hati dan berjaga-jaga di atas khabar-khabar angin ini yang bertujuan semata-mata untuk memburukkan keadaan ekonomi di seluruh negara, terutama sekali di kalangan pekebun-pekebun kecil yang diharap oleh anasir-anasir ini bahawa pekebun-pekebun kecil itu nanti tidak sukakan Kerajaan kita.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya tertarik hati dengan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu Kerajaan sedar bahawa di dalam negara kita ini ada orang-orang yang mengambil kesempatan hendak membeli getah sewaktu harga getah jatuh dan membuat simpanan dengan mendatangkan hasil. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang hendak diambil bagi menolong orang-orang miskin yang berpendapatan daripada jualan getah ini untuk sementara waktu supaya kehidupan mereka itu terjamin?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, satu dari langkah yang mungkin dapat diambil dengan serta-merta ialah berasaskan kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang duduk di sebelah dengan Ahli Yang Berhormat tadi.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa ini bukan khabar angin, tetapi harga getah kelmarin ialah \$1.01 sekilo dan mengikut fikiran pakar-pakar bahawa harga itu akan dijatuhkan di bawah \$1 sekilo? Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang supaya pekebun-pekebun kecil diberi baja sebagai bantuan, bukan bantuan kredit seperti yang dikatakan-nya, tetapi bantuan seperti diberi baja kepada kaum petani.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini mungkin dapat dilaksanakan, tetapi tidak akan menyebabkan ataupun membetulkan keadaan harga getah ataupun menaikkan harga getah yang sedang dihadapi pada masa ini. Mungkin syor ini akan dapat dikaji kalau apa juga langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan seperti yang saya bentangkan tadi tidak dapat menjayakan kestabilan harga getah.

JALAN-JALAN BESAR KE KAMPUNG-KAMPUNG

10. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang membina jalan-jalan besar ke kampung-kampung pendalaman di dalam kawasan Sungei Siput.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan bertar ke kampung-kampung pendalaman seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah termasuk dalam projek jalan-jalan luarbandar Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun cadangan-cadangan bagi pembinaannya mestilah melalui saluran-saluran yang tertentu iaitu melalui Majlis Tindakan Daerah kepada Majlis Tindakan Negeri dan seterusnya dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan. Maka, Tuan Yang di-Pertua, jika jalan-jalan di kawasan Sungai Siput itu adalah dianggap perlu di tar, maka saya menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu membuat cadangan-cadangan kepada Majlis Tindakan Daerah supaya cadangan itu dapat dipertimbangkan.

SAHAM KEPADA BUMIPUTRA

11. Datuk Albert Mah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah banyaknya saham diikhaskan untuk kaum Bumiputra di dalam Syarikat persendirian tetapi belum dibeli. Apakah cadangan Kerajaan dengan saham-saham yang belum dibeli itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1971 sehingga bulan Ogos, 1974 saham yang diikhaskan kepada Bumiputra daripada jumlah modal yang dicadangkan ialah sebanyak \$503.6 juta. Daripada jumlah ini hanya sebanyak \$199 juta sahaja yang telah dibeli oleh Bumiputra.

Mengenai saham-saham yang belum dibeli oleh Bumiputra itu Kementerian saya sedang mengambil langkah untuk menentukan agar ianya dapat terus dijual kepada Bumiputra.

Walau bagaimanapun, penjualan saham-saham tersebut adalah diutamakan kepada syarikat-syarikat yang dianggap akan membawa keuntungan. Antara langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh Kementerian ialah:

- (a) Menubuhkan sebuah Tabung Amanah Bumiputra yang bertujuan untuk membeli saham-saham yang dikhaskan itu dan selanjutnya untuk menjual kesemua saham-saham tersebut kepada Bumiputra-bumiputra apabila syarikat yang berkenaan telah memberikan keuntungan.
- (b) Memperkenalkan "Convertible Loan Stock" di mana Bumiputra telah boleh memberikan pinjaman wang kepada syarikat-syarikat dan selanjutnya diberikan hak untuk menukarkan wang pinjaman tersebut menjadi saham di dalam syarikat yang berkenaan.
- (c) Kementerian telah mengadakan Daftar Pelabur-pelabur Bumiputra yang terdiri daripada Institusi-institusi, Syarikat-syarikat dan orang perseorangan Bumiputra untuk membeli saham-saham yang dikhaskan itu. Tawaran-tawaran adalah dibuat dari masa ke semasa kepada mereka yang telah berdaftar.

KESATUAN-KESATUAN SEKERJA

12. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang telah memohon untuk pendaftaran dan berapakah dari jumlah ini yang setakat ini telah didaftarkan.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, semenjak penubuhan Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja pada 1hb Julai, 1946 bilangan Kesatuan Sekerja yang telah memohon untuk pendaftaran dan yang telah didaftarkan adalah seperti berikut:

Bilangan permohonan yang diterima:

Semenanjung Malaysia	...	1,284
Sabah		38
Sarawak		98
Jumlah	...	1,420

Bilangan Kesatuan Sekerja yang telah didaftarkan.

Semenanjung Malaysia	...	942
Sabah		31
Sarawak		67
Jumlah	...	1,040

KURSUS LATIHAN PERGURUAN

13. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah konkrit Kementerian beliau telah atau akan ambil untuk menjalankan kursus-kursus latihan perguruan yang sempurna bagi 12,000 guru sementara di Semenanjung Malaysia.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan perkara ini apabila saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 19hb November, 1974.

PONDOK POLIS

14. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pondok polis dalam Kuala Lumpur yang telah dibina tetapi tidak digunakan lagi serta sebab-sebabnya; dan
- (b) rancangan Kerajaan terhadap pondok-pondok polis yang tidak digunakan lagi itu supaya tidak terbiar begitu sahaja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Sistem Salleh telah dibina beberapa pondok polis dan jumlah pondok yang dibina di Kuala Lumpur ialah 56 buah. Di sini izinkan saya menjelaskan bahawa di bawah Sistem ini terdapat:

- (i) Pengkalan Polis yang dibina oleh Kerajaan.
- (ii) Pondok Polis yang dibina oleh Kerajaan dan juga pondok yang dibina dari sumbangan orang ramai.

Pengkalan Polis menjadi asas Sistem ini dan ianya dijagai sepenuh waktu. Pondok Polis yang terletak di merata-rata tempat itu

dilawati oleh anggota Polis dari masa ke semasa dalam liputan rondaan. Oleh yang demikian, ada kalanya pondok Polis ini nampaknya tidak dijagai oleh anggota Polis. Waktu ini ada 11 buah pondok langsung tidak digunakan kerana perubahan dalam tugas "beat" di mana waktu ini rondaan lebih banyak digunakan secara kenderaan, secara "mobile". Saya harap penjelasan ini akan menghapuskan kekeliruan yang timbul.

- (b) Untuk pengetahuan Yang Berhormat (Ahli itu pun tidak ada di sini), keseluruhan fungsi pondok Polis bukan sahaja sebelah sini sedang dikaji tapi semuanya akan dikaji semula. Terima kasih.

LAPANGAN TERBANG GONG KEDAH—PENGKALAN

15. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pertahanan menyatakan pihak yang mempunyai hak dan tanggungjawab ke atas lapangan terbang Gong Kedak (di Sempadan Trengganu/Kelantan) sekarang, dan samada Kerajaan bercadang hendak menjadikan lapangan terbang tersebut sebagai pengkalan TUDM yang baru.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang meliputi lapangan terbang di Gong Kedak adalah kepunyaan Kementerian Pertahanan. Pada masa ini, Kementerian saya tidak ada rancangan yang muktamad untuk menjadikan Gong Kedak satu Pengkalan baru untuk T.U.D.M. Tetapi oleh kerana adanya satu landasan terbang di situ, maka Gong Kedak termasuklah di dalam kumpulan kawasan-kawasan yang mungkin mempunyai keperluan kepada T.U.D.M. di dalam perkembangan di masa hadapan.

PEKERJA GAJI HARIAN

16. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa beribu-ribu pekerja yang bergaji harian di majlis-majlis bandaran dan tempatan masih dibayar \$3.50 sehari walaupun mereka telah bekerja selama 30 tahun, jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk menghapuskan eksploitasi ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Ahli Yang Berhormat itu mungkin maklum bahawa Kerajaan telah menubuhkan satu Suruhanjaya untuk menyemak semula gaji pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja penguasa-penguasa tempatan dan baru-baru ini Kerajaan telah bersetuju melaksanakan perakuan-perakuan Suruhanjaya tersebut mengenai gaji, elaun dan pencen. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu pekerja-pekerja yang bergaji harian di bawah penguasa-penguasa tempatan akan dijadikan pekerja gaji bulanan. Oleh yang demikian, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidaklah berbangkit lagi.

TANAH KEPADA PENANAM PADI

17. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor minta Menteri Tanah, Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan oleh kerana ramainya bilangan keluarga Pesawah (Penanam Padi) di kawasan-kawasan Rancangan Perairan seperti di kawasan MUDA di Kedah yang tiada mempunyai tanah sendiri ataupun mempunyai luas tanah yang tidak ekonomi. Adakah Kementerian beliau bercadang mengadakan rancangan penyusunan dalam perkara memiliki tanah di kawasan-kawasan perairan tersebut. Jika tidak ada, nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, seperti telah diumumkan Dewan yang mulia, ini sebarang langkah ke arah penyusunan dalam perkara memiliki tanah perlu dikaji dan diteliti sehabis-habis mendalam, kerana perkara ini mempunyai implikasi yang besar kepada Kerajaan dan rakyat yang akan terlibat akibat dari langkah-langkah yang diambil dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, Kajian Sosio-ekonomi sedang dijalankan dengan rapi dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia bagi Kawasan MUDA di Kedah, oleh FELCRA di kawasan perairan Kemubu di Kelantan. Hasil kajian-kajian ini akan menjadi panduan kepada kerajaan tentang apa-apa langkah yang sebaiknya untuk diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki keadaan yang didapati di kawasan-kawasan ini.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana banyaknya bilangan tanah-tanah kecil di kawasan-kawasan Perairan MUDA yang luasnya tidak seberapa, tetapi dimiliki oleh ramai bilangan pemiliknya. Sedangkan di dalam geran tanah yang sedia ada tidak dapat menunjukkan tentang-tentang mana hak kepunyaan bagi seseorang pemilik. Dengan sebab itu, menimbulkan kadang-kadang pergaduhan dalam masyarakat kita. Dengan sebab itu, adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu kaedah yang tertentu supaya dalam geran-geran tanah yang seperti itu baikpun di kawasan MUDA dan lain-lain kawasan dapat menunjukkan tentang-tentang mana hak seseorang pemilik yang ada namanya dalam geran-geran tanah yang tersebut.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, memang banyak kedapatan tanah-tanah padi atau bembang, samada di Kedah atau di mana-mana sahaja, sekeping tanah mempunyai 3 atau 4 nama. Memang sulit bagi Kerajaan hendak menandakan dalam geran-geran tanah penentuan sempadan bagi orang-orang yang berkongsi di atas satu lot tanah yang demikian, kecuali jika sekiranya tanah-tanah itu diminta pecah lot mengikut jumlah pemilik-pemilik tanah atas geran itu sendiri. Tetapi jika sekiranya tanah itu sempit, tidak ada undang-undang yang boleh membenarkan pecah lot sampai sekecil-kecilnya. Ini adalah satu faktor yang menjadi bahan kajian bagi pengkaji-pengkaji yang sekarang ini, khususnya daripada pihak Universiti Sains Malaysia bagi kawasan MUDA, dan juga pihak FELCRA bagi kawasan Kemubu di Kelantan. Saya percaya segala-galanya itu akan termasuk dalam butir-butir kajiannya dan apabila lapuran telah siap dapat kita jadikan panduan seperti apa yang telah dijawab tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 18 telah dijawab bersama dengan Soalan No. 9. Sekarang ini ialah Soalan No. 19.

IBUSAWAT TALIPON SUNGAI SIPUT

19. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah Ibusawat Talipon yang baharu di Sungai Siput akan mula dilancarkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Bangunan Ibusawat Talipon yang baharu di Sungai Siput itu baru sahaja siap, dan kerja-kerja memasang alat-alatnya akan dimulakan tidak lama lagi. Adalah dijangkakan ibusawat baru ini akan siap untuk memberi perkhidmatan pada pertengahan tahun 1975.

GURU-GURU—BEBAN KERJA

20. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa guru-guru tidak puas hati dengan beban kerja yang berat dan samada beliau akan memperkenalkan langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan beban kerja supaya meninggikan kecekapan guru-guru tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, perkara guru-guru diberi beban kerja yang berat dan merasai tidak puas hati tidak melibatkan semua guru-guru. Mungkin ada sebilangan guru-guru yang berpendapat bahawa mereka diberi beban kerja yang terlalu berat.

Pihak Kementerian telah menerima beberapa sungutan tentang perkara ini, khasnya berkenaan dengan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Kementerian Pelajaran sedang mengkaji samada ini benar dan apakah langkah-langkah yang patut diambil.

PERKATAAN “BUMIPUTRA” DAN “BUKAN BUMIPUTRA”— PENGUNAAN

21. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada Kerajaan berniat membatalkan penggunaan perkataan-perkataan “Bumiputra” dan “Bukan Bumiputra” ke atas rakyat Malaysia sendiri, supaya mengelakkan ketidakpuashatian dan perpecahan antara rakyat Malaysia; jika tidak, mengapa.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa telah dikemukakan kepada saya dalam Majlis ini pada 18hb November, 1974 dan saya tidak bercadang hendak menambah lagi apa yang telah saya katakan dalam jawapan saya kepada soalan itu.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, tempoh dua puluh satu hari bagi pengesahan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 101 tahun 1974 adalah dengan ini dilanjutkan sehingga dan termasuk hari penghabisan mesyuarat Dewan ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, tempoh dua puluh satu hari bagi pengesahan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 101 tahun 1974 adalah dengan ini dilanjutkan sehingga dan termasuk hari penghabisan mesyuarat Dewan ini.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 7 Akta Eksais, 1961, tempoh dua puluh satu hari bagi pengesahan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 102 tahun 1974 adalah dengan ini dilanjutkan sehingga dan termasuk hari penghabisan mesyuarat Dewan ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 7 Akta Eksais, 1961, tempoh dua puluh satu hari bagi pengesahan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 102 tahun 1974 adalah dengan ini dilanjutkan sehingga dan termasuk hari penghabisan mesyuarat Dewan ini.

ORDINAN EKSAIS SABAH (No. 18), 1959

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah (No. 18), 1959, tempoh dua puluh satu hari bagi pengesahan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 103 tahun 1974 adalah dengan ini dilanjutkan sehingga dan termasuk hari penghabisan mesyuarat Dewan ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah (No. 18), 1959, tempoh dua puluh satu hari bagi pengesahan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 103 tahun 1974 adalah dengan ini dilanjutkan sehingga dan termasuk hari penghabisan Mesyuarat Dewan ini.

ORDINAN EKSAIS SARAWAK (CAP 27)

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Cap 27), tempoh dua puluh satu hari bagi pengesahan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 104 tahun 1974 adalah dengan ini dilanjutkan sehingga dan termasuk hari penghabisan mesyuarat Dewan ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Cap 27), tempoh dua puluh satu hari bagi pengesahan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 104 tahun 1974 adalah dengan ini dilanjutkan sehingga dan termasuk hari penghabisan mesyuarat Dewan ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (19hb November, 1974).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut". (19hb November, 1974).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Mukah menyambung ucapannya.

3.30 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya semalam.

Negeri Sarawak yang disifatkan Negeri yang tunggal sekarang ini mengeluarkan minyak mentah dan separuh bersih yang dianggarkan menyumbang 50% daripada hasil eksport negeri itu. Oleh yang demikian tidak keterlaluan bagi kami di Sarawak berharap harga minyak sepatutnya lebih murah daripada negeri-negeri yang lain di dalam Malaysia. Kita juga mengetahui iaitu di negara jiran kita yang berhampiran juga mengeluarkan minyak sebagai hasil negara itu di mana rakyat negara itu boleh membeli minyak bagi keperluan rakyatnya sendiri dengan harga yang jauh agak murah jika dibandingkan dengan harga di Sarawak pada masa ini.

Menyentuh tentang hasil pengeluaran hutan pula seperti kayu atau papan yang perlu untuk kegunaan rakyat tempatan tidak seharusnya mengikut harga jualan keluar negeri seperti berlaku selama ini di kilang-kilang papan di Sarawak. Dengan hal yang demikian, saya mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat cukai-cukai kayu bagi kegunaan rakyat sendiri untuk membuat rumah kediaman di kampung-kampung dibebaskan daripada cukai. Oleh sebab biasanya jika seseorang rakyat di kampung membuat rumah papan lebih kurang menggunakan hanya 10 tan

papan sahaja. Ini juga dapat menggalakkan lagi rakyat tempatan menggunakan kayu-kayan tempatan lebih banyak lagi dan boleh juga sebagai pertolongan Kerajaan secara tidak langsung kepada rakyat sekadar untuk membuat sebuah rumah kediaman yang bahannya dapat diperolehi dari negeri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sarawak yang terkenal dengan pengeluaran kayu-kayan seperti yang saya sebutkan semalam, namun, jika kita melihat sepintas lalu mungkin kita berfikir negeri itu payah untuk mendapatkan kayu bagi kegunaan rakyat itu sendiri, kerana banyak lagi rumah-rumah yang berdekatan dengan kilang-kilang papan di luarbandar yang dipunyai oleh rakyat bukan bumiputra kelihatan rumah-rumah kampung masih banyak lagi menggunakan daun apong. Ini sudah jelas buktinya mengapa rakyat yang tidak bernasib baik seperti itu tidak menggunakan papan atau membuat rumah yang cantik. Ini saya percaya satu daripada masaalah yang kita harus renungkan. Bagi saya yang dipilih oleh sebahagian rakyat yang bernasib seperti ini pernah mendengar sungutan-sungutan dari mereka tentang keadaan mahupun kesempitan yang mereka tempuhi di dalam melayarkan bahtera kehidupan sehari-hari. Dengan kerana itulah saya terpaksa berkata di dalam Dewan ini sebagai ikhtiar mencari jalan kepada mereka seperti itu supaya dapat dipertimbangkan sedikit sebanyak bagi memperbaiki kepincangan yang terdapat sebahagian dari masyarakat bumiputra yang saya wakili.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat di atas peruntukan Pembangunan seperti yang telah tercatat di dalam Kertas Perintah 24/1974 Anggaran Belanjawan, 1975 yang dibentangkan di dalam Dewan ini sekarang bagi negeri Sarawak khasnya. Di dalam Peruntukan Pembangunan begitu banyak, cuma saya suka menyentuh dengan ringkasnya dua tiga bahagian sahaja.

Pertamanya, masaalah jalan-jalan kecil dan jambatan di kawasan kampung di daerah Mukah dan Dalat. Semenjak Majlis Tempatan yang bertanggungjawab ke atas perkara jalan-jalan kecil dan jambatan tidak banyak perubahan yang didapati dari bekas peninggalan penjajah dahulu. Oleh kerana seperti diketahui, Majlis Tempatan yang

berkenaan tidak mempunyai kewangan yang mencukupi untuk memperbaiki jalan-jalan kecil dan juga jambatan yang sudah lapuk di bawah tanggungjawab Majlis tersebut. Dengan ini saya merayu kepada pihak yang berkenaan apalah kiranya Majlis seperti ini, adakah untuk diteruskan seperti yang ada sekarang ini ataupun diambil-alih kuasanya oleh Kementerian yang boleh bertanggungjawab untuk berkhidmat bagi kepentingan rakyat. Suatu contoh yang baik telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak yang mengambil-alih kuasa bagi tadbiran sekolah rendah di Sarawak yang dahulunya di bawah pentadbiran Majlis Tempatan. Penjajah dahulu berkata—saya masih ingat lagi, Tuan Yang di-Pertua—Kerajaan Tempatan (Local Government) adalah untuk tempat rakyat belajar mencapai kemerdekaan, sekarang kemerdekaan telah di tangan kita, segala jejak langkah yang tidak sepatutnya kita ikuti kita boleh buang sahaja supaya rakyat tidak merasa mereka itu seolah-olah masih lagi dijajah seperti dahulu.

Di sini suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini untung nasib satu jambatan yang dibuat daripada kayu belian 30 tahun dahulu sekarang sudah tua dan bongkok pendiriannya di Kuala Sungai Telian daerah Mukah panjangnya lebih kurang 120 kaki dan lebarnya 12 kaki bagi kepentingan rakyat di sekitar kampung itu menyeberangi Kuala Sungai Telian ke pekan Mukah. Nampaknya akhir-akhir ini tidak ada tanda untuk ditukar atau diperbaiki walaupun perkara itu pernah dibawa untuk pengetahuan pihak yang berkenaan dan terdapat juga jambatan yang agak kecil sedikit di Oya dan Balingan sama seperti nasib jambatan Kuala Sungai Kelian itu. Dengan keadaan yang demikian, saya berharap perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya diberi kepada rakyat luar bandar yang sangat memerlukan perhubungan jalan-jalan dan jambatan di kawasan kampung mereka.

Di bidang pertanian, pula, banyak yang kita telah dengar di dalam Dewan ini semenjak perbahasan belanjawan ini dimulakan. Kawasan saya adalah salah satu kawasan harapan rakyat yang bergantung kepada pertanian. Juga Kerajaan kita memberi keutamaan yang tinggi kepada kempen untuk menambahkan lagi pengeluaran makanan dengan membuka setengah juta ekar tanah,

kira-kira separuh untuk Semenanjung Malaysia dan yang separuhnya lagi itu saya rasa adalah untuk Sarawak dan Sabah. Bagi tujuan mengurangkan kadar inflasi seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapan belanjawan beliau, ini sudah tentu menggembarakan rakyat sebagai kaum tani atau peladang di negara ini. Saya juga tidak melepaskan peluang yang baik ini supaya di kawasan saya daerah Dalat dan Mukah seperti saya tegaskan awal tadi, salah satu kawasan pertanian maka dengan peluang ini, saya merayu kepada pihak yang berkenaan membuat satu rancangan menanam padi secara besar-besaran dengan menggunakan parit dan taliair yang boleh ditanam dua kali setahun.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Di Daerah Mukah dan Dalat pada keseluruhannya kira-kira 40 batu dari tepi pantai laut adalah yang dikatakan tanah paya atau gambut serta banyak lagi kawasan tanah Kerajaan yang boleh diatur dan dibuat untuk segala rancangan selain dari kawasan hutan simpan. Dari itu, saya percaya tidak ada sebab pihak yang berkenaan tidak dapat membuat rancangan tanaman padi secara besar-besaran di kawasan saya seperti yang saya sebutkan ini.

Bagi bantuan menanam kelapa dan sebagainya hendaklah diteruskan seperti yang terdapat pada masa ini. Juga saya berharap bantuan kepada tanaman sagu patut juga diberi pertimbangan. Oleh kerana di kawasan saya sebilangan besar rakyat yang berhampiran dengan tepi laut menggunakan sagu sebagai makanan utama mereka semenjak beratus tahun sudah. Oleh itu, saya menaruh keyakinan kepada pihak Kerajaan mengambil perhatian kepada tanaman sagu bukan sahaja disifatkan sebagai makanan kedua tetapi untuk makanan utama kepada rakyat bumiputra di Sarawak di bahagian saya. Serta juga saya berharap kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak atau pihak yang berkenaan supaya menggalakkan bumiputra di rumah panjang menanam kelapa sawit di tanah dusun kosong mereka yang berhampiran dengan rancangan menanam kelapa sawit seperti terdapat sekarang ini di Ulu Mukah ataupun di daerah yang lain dengan diberi bantuan yang berpatutan. Ini saya percaya boleh menguntungkan lagi

pihak Lembaga yang berkenaan dan dapat mengurangkan belanja bayaran pampasan tanah dan juga dapat memberi pekerjaan lebih banyak lagi kepada rakyat di luar bandar.

Berbalik kepada pelajaran pula, Jabatan Pelajaran Sarawak mendapat peruntukan hampir \$200 juta kira-kira 25% dari jumlah itu untuk pembangunan. Dengan adanya wang yang banyak ini sudah semestinya banyak bangunan sekolah rendah atau menengah dan rumah-rumah pegawai dapat dibuat berserta kemudahan-kemudahan yang lain lagi. Cuma saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan iaitu satu bangunan sekolah rendah di Dalat sudah lama kedengaran untuk dibuat. Sampailah hari ini belum nampak lagi. Pada awal tahun baru iaitu murid-murid yang telah lulus Darjah VI memasuki Tingkatan I di Daerah Dalat terpaksa belajar dengan meminjam bangunan Sekolah Rendah St. Bernard yang dipunyai oleh Mission Roman Catholic di situ. Oleh kerana dua buah sekolah menengah di Mukah pun telah penuh juga tidak dapat untuk menempatkan murid-murid dari Daerah Dalat. Dengan penuh harapan rakyat Daerah Dalat berharap bangunan sekolah menengah rendah itu dapat dibuat dengan seberapa segera. Dengan melihat pertambahan murid-murid sekolah rendah di kawasan kedua-dua daerah tersebut, saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya membuat lagi sebuah sekolah menengah rendah di Daerah Kecil Ulu Mukah iaitu di Selangau di mana sekarang terdapat kemudahan jalanraya yang besar di situ, bagi keperluan murid-murid di kawasan Balingian, Ulu Mukah dan Oya.

Mengenai perhubungan udara di antara Mukah/Sibu yang diadakan empat kali dalam satu minggu dan sebaliknya dengan menggunakan kapalterbang jenis Norman Islander yang cuma dapat membawa tujuh atau lapan penumpang sahaja. Nampaknya sekarang penumpang menggunakan udara seperti dari Mukah/Sibu mahupun Sibu/Mukah kian bertambah. Kadang kala satu bulan dahulu membuat tempahan baru dapat tempat. Ini adalah satu kejayaan kepada MAS. Dengan ini saya berharap MAS atau pihak yang berkenaan dapat berikhtiar menggunakan kapalterbang yang besar yang boleh membawa 16 orang penumpang yang boleh mendarat di Lapanganterbang Kecil Mukah atau di kawasan yang lain di dalam

Sarawak seperti jenis Skyband untuk menggantikan kapal terbang penumpang yang ada sekarang.

Masalah perhubungan sungai pula, Sungai Kut (Kut Canal) di Daerah Dalat adalah satu jalan yang penting bagi daerah itu atau daerah sekitarnya yang sejauh enam batu sahaja. Terusan Sungai Kut semenjak 20 tahun sudah iaitu di waktu penjajah dahulu telah dikorek sampailah sekarang ini yang menelan belanja berjuta-juta ringgit, nampaknya tidak begitu berjaya. Sekarang Sungai Kut di masa air kering masih lagi cetek tidak boleh dilalui sampan-sampan kecil. Airnya di waktu kering di kawasan tengah Sungai Kut itu tidak sampai 6 inci dalamnya. Apabila sahaja jentera mengorek di situ tidak bekerja nampaknya banyak bahagian yang menjadi tohor. Oleh kerana perjalanan arus sungai Kut itu tidak begitu kuat keluar dan masuk dari sebelah Batang Igan dan Batang Oya maka tanah-tanah yang dibawa arus itu cepat tenggelam, apa lagi tanah yang dikorek itu dibuang di tebing sebelah menyebelah sungai itu dan jatuh ke dalam sungai itu lagi. Beginilah sedikit gambarannya, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat di kawasan Sungai Kut kebanyakannya peladang, pekebun kecil getah dan sagu berpendapat lebih elok satu jalan dibuat dari Batang Igan ke Batang Oya yang jauhnya 6 batu sahaja itu bagi perhubungan yang penting di situ boleh digunakan tidak mengira masa.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya berharap segala perbadanan ekonomi seperti PERNAS Sdn. Berhad di Sarawak dan lain-lain lagi dapat mengorak langkah mengambil peranan cergas bagi membekal barang-barang keperluan harian kepada rakyat di luar bandar di tiap-tiap daerah dalam negeri Sarawak seperti gula, tepung, susu dan lain-lain lagi dengan tidak mengambil keuntungan yang berlebihan sangat seperti yang dibuat oleh pedagang-pedagang yang tertentu di luar bandar di masa inflasi yang dihadapi oleh rakyat dalam negara sekarang ini. Rakyat di luar bandarlah yang boleh saya katakan paling teruk akibat inflasi, oleh kerana harga barang-barang keperluan yang dibeli mereka jauh lebih mahal dari bandar dan pekan. Bagi hasil pengeluaran mereka yang dijual pula jauh lebih murah daripada kawasan bandar dan pekan. Inilah satu-satunya pahit manis yang dirasakan oleh rakyat luar bandar sebagai kaum tani, nelayan dan

buruh kasar yang berharap kepada Kerajaan memberi perlindungan sebagai membela untung nasib mereka untuk hidup sementara di dunia ini.

Juga saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mengatur lawatan-lawatan belia dan beliawanis terdiri dari berbagai kaum yang datang melawat Semenanjung Malaysia baru-baru ini dari Sarawak, dan segala layanan baik adalah memberi puashati seperti yang saya telah difahamkan. Semoga lawatan seperti itu diadakan setiap masa yang boleh mengeratkan lagi tali perpaduan dan persefahaman di antara muda-mudi di sini dan muda-mudi di Sarawak dan di Sabah.

Saya adalah menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 berserta usul yang ada di hadapan kita.

3.50 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-Yang Berhormat dari Alor Setar, cuba mulakan dari sekarang menggunakan Bahasa Malaysia.

Tuan Oo Gin Sun: Bahasa Malaysia saya tak berapa baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat, Bahasa Rasmi Majlis ini ialah Bahasa Malaysia. Bercakap dalam bahasa Inggeris hanya dengan izin. Jadi, cuba berucap dalam Bahasa Malaysia dahulu dan kemudian sedikit-sedikit menggunakan bahasa Inggeris.

Tuan Oo Gin Sun: Mr Speaker, Sir, as we all know, this is the first

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidaklah boleh cuba berucap sedikit dalam Bahasa Malaysia?

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat semua orang tahu bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan memberi ucapan Budget yang pertama dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah, bagi kali ini sahaja. Bagi kali yang akan datang, cuba berucap dalam Bahasa Malaysia. Sila teruskan.

Tuan Oo Gin Sun: Terima kasih.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as we all know, this is the first Budget address delivered by the Honourable Minister of Finance. This Budget, if I may say so, can be classified as moderate and acceptable, particularly so if you take into account the fact that the whole world is in trouble with inflation, recession and unemployment. Admittedly, there are certain tax proposals which are unpalatable to certain sections of our citizens. I am referring to the tax proposals to increase the road tax on motor-cycles from \$40 to \$50. We all know that motor-cycles have now replaced cycles as a means of transport among the lower strata of society in the urban and rural sectors. With the present inflationary trend, coupled with serious recession, it can be quite a strain on them to shoulder this burden. As our Honourable Minister of Finance has stated in his address, each of us must shoulder our share of the sacrifice. I hope this section of our community will also try to bear this burden. Nevertheless, I trust the Honourable Minister of Finance will review this tax proposal as soon as our Government is able to check inflation and recession and, when appropriate, to waive off this increase.

Mr Speaker, Sir, it is laudable on the part of the Honourable Minister of Finance to introduce separate tax assessment for working wives. However, I feel that the Honourable Minister of Finance has yet not recognised the tremendous services rendered by the housewives of this country. The tax relief granted to husbands or wives who are not working is still \$2,000 per annum for so many years. If you work it out, it will be \$166.66 per month or \$5.55 per day. Now, it

is interesting to note that although our Government does not recognise their contribution to this nation, the U.N. Economic and Social Council said in a report on the role of women that a study in one industrial country estimated that the housewife was worth M\$384 a week or M\$54.85 a day, whereas our Government considers them to be worth only \$5.55 per day. Are our Malaysian women so cheap as that? It cited the study as showing that the married working women put in more work than the working men. The single working woman or the housewife spends an average of 20 to 22 hours at home each day. This was reported in the Press yesterday. They have no organised union to agitate for them for minimum working hours or a minimum working basic wage. Nevertheless, in recognition of the services to their husbands in particular, and to the nation in general, of this silent majority of housewives, I sincerely hope and trust that the Government will review the personal relief for housewives to a more realistic sum.

Mr Speaker, Sir, everyone of us in this House is pleased to hear that the Government is giving high priority to increase food production and it is intended to open up another 500,000 acres of land for food cultivation, half of which will be coming from Peninsular Malaysia. This is a commendable project. However, I wish to appeal to the Government that in carrying out this project, there should be a proper and equitable distribution of land to all sections of the community. Land should be given to the landless. The unemployed from the urban sector must be encouraged to go back to the land by giving them land to cultivate, so that it can intensify our campaign to grow more food and there would be more equitable and fair distribution of land to all communities.

Mr Speaker, Sir, we have also heard from the Honourable Minister of Finance's speech that the Budget is and will be used as an active and dynamic instrument of Government's economic, fiscal and monetary policies, so as to effectively achieve our country's socio-economic aspirations, and that this expenditure will be utilised for meaningful and carefully conceived projects that will readily contribute to reduce the adverse effects of recession and inflation.

Mr Speaker, Sir, I come from the State of Kedah which is at the moment classified as a less developed State, and, as such, there are many areas in my State, in general, and in my constituency of Alor Setar in particular, where the basic amenities of life have not been provided with. Time and again the people there have been promised by the authorities concerned as well as by potential candidates that they will be provided, in due course, with water supply, electricity and the construction of roads and proper drainage. But up till now, in my State of Kedah there are many areas, the rural areas as well as the outlying areas of the towns, where these amenities are still not to be found. I appeal to the Government, in carrying out these development projects, to give top priority to the development of the less developed States. Now, in setting up development in the less developed States, it would provide three-fold purposes. Firstly, development can take place in the less developed States; secondly, it will create job opportunities for the people in the less developed States; and, thirdly, it will prevent migration of workers from the rural areas to the urban sector, thus relieving the socio-economic problem faced by the urban sector.

In the town areas of my State, particularly in Alor Setar, Sir, several sections of the town are prone to floods due to the inadequate and improper drainage. The local authorities concerned through lack of funds are unable to remedy these annual hazards.

In view of the fact that the Government is now placing emphasis on development in order to check inflation and recession, I trust the Government will remedy these defects in my State of Kedah as it will open up avenue for jobs to the local people.

Talking about development, I wish to draw the attention of the Government that in my State of Kedah, the Government has constructed a beautiful and fine white block of hospital building in Alor Setar and this building has been completed for some time now. Although the people of Kedah are able to see it, we are still not able to make use of it, as I believe the wiring and hiring and the hospital equipment have not been installed. I hope the Government would take immediate steps to remedy this situation.

Mr Speaker, Sir, as the Honourable Minister of Finance has stated in his address urging the private sector to assist the Government in accelerating development, I wish to draw the attention of the Government and, in particular, the Ministry of Law that although there are provisions in the Rent Control Act where applications can be made for development of old sections of the town into new ones, there are no divisions set up or administrative personnel appointed to entertain such applications in the State of Kedah. The personnel in the Court or the Local Authority are reluctant to entertain such applications as they rightfully claim that they are not employed to do Tribunal work. The end result is that the development in the State of Kedah is hampered and retarded. As regards the members of the Tribunal, Sir, the remuneration granted to them is far from adequate and I trust the Government can take immediate steps to set up a special division with its own personnel to entertain such applications in the State of Kedah and also to review the remuneration of the Tribunal members in the State. This is one area, I believe, where the private sector can assist the Government in accelerating development.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance stated in his Budget speech that arrangements would be made by the Treasury to give sufficient funds out of the revenue from the service tax to the Tourist Development Corporation to enable it to promote further the tourist industry in the country. Mr Speaker, Sir, we have read in the Press recently that the Thai authorities have refused to return those cars stolen from Malaysia but found in Thai soil unless the respective owners pay to the Thai authorities custom levy on the stolen cars. There are instances where tourists travelling in Thai buses are prevented from entering Malaysia and tourists travelling in Malaysian buses are prevented from going into Thailand. Although this ban, I believe, has been temporarily lifted, I trust the Government can take up these two matters with these Thai authorities so that the tourist trade, which is beneficial to both countries, is not considerably disrupted, as there is quite a heavy tourist trade plying between my State and Thailand.

4.01 ptg.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Haji Jais (Ulu Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan di Dewan ini di samping mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana berjaya membuat garis-garis langkah bagi menyekat inflasi dan mencegah kemerosotan ekonomi negara menerusi Anggaran Belanjawan dengan kenaikan cukai yang melegakan.

Saya yakin walaupun negara kita tidak begitu terlepas bebas dari ancaman inflasi, tetapi garis-garis pendapatan dan Belanjawan yang teguh dengan penyertaan bahawa Kerajaan dijangka mempunyai lebih sebanyak \$280 juta dalam kira-kira semasa bagi Belanjawan 1975 adalah memberi jaminan bahawa negara ini dapat bebas dari keguncangan yang lebih hebat ataupun dari masaalah stagflasi dan kemerosotan ekonomi.

Saya mengalu-alukan Anggaran Belanjawan ini kerana tidak mengandungi garis-garis yang menyusahkan rakyat yang berpendapatan rendah, tetapi sebaliknya itu pula adalah diharapkan anggaran peruntukan untuk pembangunan hendaklah lebih banyak dicurahkan bagi meninggikan taraf hidup rakyat bumiputra di kawasan luar bandar.

Oleh kerana mengikut Lapuran Ekonomi 1974/1975 yang telah dibentangkan di Dewan ini menunjukkan bahawa pendapatan orang Melayu atau bumiputra di luar bandar dari sebulan hanya meningkat sebanyak \$3 sementara masyarakat lain sebanyak \$38; masyarakat bumiputra mendapat pendapatan pukol rata \$108 pada tahun 1967 dan meningkat kepada \$111 pada tahun 1970. Masyarakat China pula di kawasan yang sama juga yang sudah beroleh pendapatan yang lumayan sebanyak \$216 meningkat lagi kepada \$254. Ini menunjukkan bahawa rancangan-rancangan antara tahun 1967 hingga 1970 tidak berjaya mengurangkan perbezaan yang berada dengan yang tidak berada malahan menambahkan lagi jurang perbezaan.

Lapuran itu juga menunjukkan, bahawa terdapat lebih daripada 87% keluarga miskin di kawasan luar bandar dan sudah pasti

sejumlah besar daripada mereka ialah terdiri daripada rakyat bumiputra. Malang sekali lapuran itu tidak memberi butir-butir lanjut pendapatan penduduk-penduduk luar bandar semenjak tahun 1970 iaitu selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru yang tujuan sebenarnya bagi membasmikan kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar. Bagaimanapun tanpa butir-butir penuh itu saya berharap bahawa dalam menyelenggarakan Anggaran Belanjawan yang baru ini, Kerajaan hendaklah memastikan bahawa dasar membasmikan kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar berjalan dengan jayanya dengan memperhebatkan lagi perjalanan jenteranya. Lapuran itu juga hanya memberi penjelasan mengenai pendapatan per capita sejak 3 tahun Dasar Ekonomi Baru dijalankan iaitu dari \$1,070 tahun 1970 kepada \$1,170 tahun 1973 dan kita tidak tahu samada rakyat bumiputra menikmati kenaikan per capita itu atau berlaku seperti antara tahun 1967 hingga 1970 juga. Kita perlukan lapuran yang lebih lengkap bagi memastikan kejayaan yang sebenarnya. Jika bumiputra masih jauh ketinggalan, maka saya mencadangkan ada baiknya Kerajaan mengkaji semula penyelenggaraan Dasar Ekonomi Baru dan memperhebatkan lagi rancangan-rancangan pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa masaalah inflasi adalah dihadapi oleh seluruh lapisan masyarakat, tetapi lebih banyak sungutan kita dengar daripada masyarakat bandar yang sudah terlalu biasa dengan kemewahan. Tiba-tiba kemewahan itu goncang akibat inflasi, tetapi masyarakat luar bandar tidak begitu gempar kerana mereka itu sudah biasa dengan keadaan hidup biasa atau hidup susah. Keadaan ini janganlah mengelirukan Kerajaan dalam menyelenggarakan rancangan-rancangan pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar dan kita berbangga mendengar adanya jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri baru-baru ini bahawa inflasi tidak akan menjejaskan projek-projek pembangunan Kerajaan. Sebenarnya masaalah inflasi lebih hebat dirasakan oleh rakyat di luar bandar kerana kebahagiaan mereka hanya terletak kepada makanan, bukan kepada kemewahan benda-benda. Dalam tahun-tahun inflasi di hadapan ini memang ada baiknya Kerajaan menunda buat sementara waktu projek-projek yang kurang penting di kawasan-kawasan bandar untuk

menitikberatkan projek-projek yang lebih penting di kawasan luar bandar yang boleh mengatasi masalah inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, cukai-cukai baru dalam Anggaran Belanjawan itu sangat tepat dan boleh dikatakan, masih rendah bagi beberapa jenis barang-barang tertentu. Barang-barang yang dikenakan kenaikan cukai itu tidak begitu menyusahkan orang-orang penggunaannya, kerana mereka yang menggunakannya memang berdaya atau sanggup menerima bebanannya.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan membenarkan taksiran cukai pendapatan secara berasingan dari isteri-isteri yang bekerja walaupun mengurangkan pendapatan negara sebanyak \$7 juta setahun tetapi secara tidak langsung menolong mengurangkan masalah inflasi keluarga-keluarga yang suami-isteri bekerja. Masalah ini sudah sekian lama dilaong-laungkan oleh kaum ibu dan sudah sepatutnya diselesaikan terutama sekali pada masa negara sedang menghadapi masalah inflasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan telah menyebut tentang ramai para peniaga tidak memperolehi semua pinjaman yang diminta dari bank-bank akibat dari dasar-dasar Kerajaan. Disamping ini ada pula sungutan dari peniaga-peniaga kecil tentang kerumitan bagi mendapatkan pinjaman dari bank-bank walaupun bank-bank sepatutnya memberi segala kerjasama kepada peniaga-peniaga kecil dan bersikap benar-benar menolong, tetapi kerjasama hendaklah diselenggarakan dengan erti-kata yang sebenarnya iaitu mengeluarkan pinjaman dan memastikan bahawa pinjaman itu benar-benar menolong memajukan peniaga-peniaga itu. Adalah tidak memadai bagi bank-bank semata-mata bersandarkan kepada surat-surat rekomen dan segala jaminan sebagai syarat mengeluarkan pinjaman. Kalau tidak pasti samada peniaga-peniaga itu berjaya atau tidak dengan itu bank-bank patut memberi kerjasama dengan mengkaji sendiri perjalanan perniagaan dan segera memberi nasihat atau tindakan yang patut, jangan sampai peniaga itu lumpuh perniagaannya. saya percaya bank-bank kurang yakin kepada peniaga-peniaga atau peminjam-peminjam yang tertentu kerana kurang pasti tentang kejayaan peniaga-peniaga, tetapi tidak sedia membantu menjayakan perjalanan perniagaan kerana

sifat-sifat syak wasangka itu menyebabkan bank-bank sukar mengeluarkan pinjaman dan peniaga-peniaga kecil pula sentiasa bersungut. Kerajaan patut mencari jalan menyelesaikan masalah ini supaya pihak-pihak bank benar-benar menjadi penggalak perniagaan di kalangan bumiputra, sementara peniaga-peniaga kecil bumiputra pula hendaklah disifatkan tidak akan memperdayakan diri mereka sendiri dengan cita-cita yang tinggi, mahu berniaga tetapi kurang pengalaman. Masalah kebolehan peniaga adalah masalah pertama maka dengan itu Kerajaan patut berikhtiar bukan sahaja memudahkan pinjaman dari bank-bank tetapi memudahkan peniaga-peniaga kecil memberi pengalaman yang luas.

4.12 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam Dewan ini pada minggu yang lalu. Bagi saya, Rang Undang-undang Perbekalan itu adalah merupakan Rang Undang-undang yang paling menasabah, adil dan sesuai, sesuai pula dengan suasana inflasi yang dihadapi oleh negara kita dewasa ini.

Sungguhpun Ucapan Belanjawan itu merupakan ucapan pertama pernah dibuat oleh beliau, tetapi sanjungan yang tinggi patutlah diberi kepadanya, kerana dalam mengenakan cukai-cukai baru beliau menunjukkan sifat bertimbang rasa yang lebih terhadap golongan rakyat terbanyak yang rata-rata berpendapatan rendah. Sebaliknya kepada golongan menengah dan atasan beliau tidak segan-segan untuk mengenakan cukai yang agak lebih tetapi menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh rakyat yang menggunakan kenderaan-kenderaan awam seperti bas dan teksi tidak akan terlibat dengan cukai jalan yang baru yang akan dilaksanakan kelak. Menteri Kewangan juga menghormati persamaan hak antara pekerja lelaki dan perempuan dengan membentangkan pula taksiran cukai pendapatan yang berasingan bagi isteri-isteri yang bekerja. Tindakan beliau ini tentulah dialu-alukan oleh kaum wanita terutama mereka yang bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyusun belanjawan bagi Kementerian-kementerian, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak lupa kepada mandat yang telah diberikan oleh rakyat kepada Barisan Nasional. Kejayaan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu ialah kerana rakyat percaya bahawa Barisan Nasional adalah mampu untuk mengatasi masalah inflasi sekarang dan akan membuat lebih banyak pembangunan-pembangunan atau projek-projek untuk faedah rakyat.

Wang sebanyak \$2,306 juta telah diuntukkan bagi pembangunan pada tahun hadapan. Peruntukan ini merupakan 26% lebih daripada anggaran tahun sudah. Ini membuktikan dengan jelasnya bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang menepati janjinya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu langkah untuk mengatasi inflasi yang diambil oleh Kerajaan, ialah memberi keutamaan yang tinggi kepada kempen untuk menambahkan lagi pengeluaran makanan. Dalam ucapan belanjawannya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membayangkan bahawa tanah seluas 260,000 ekar akan diuntukkan bagi penanaman padi. Dalam hubungan ini saya suka mencadangkan supaya FELDA diberi tugas melaksanakan rancangan penanaman padi di atas tanah seluas suku juta ekar ini. Cadangan saya ini adalah sesuai dengan dasar FELDA yang tercatat dalam laporan tahunan 1973 yang berbunyi:

"Kerajaan berpendapat bahawa FELDA sepatutnya memperbagaikan pertaniannya dan Kerajaan pula sedia menanggung risiko membiayai projek-projek tersebut."

Tuan Yang di-Pertua, seperti sama-sama kita maklum FELDA telah ditubuhkan sejak 17 tahun yang silam, dan dalam jangka masa tersebut FELDA telah berjaya menjadi satu agensi pembangunan tanah yang utama di negara ini. Getah dan kelapa sawit sudah menjadi tanaman tradisi kepada FELDA. Sekarang tebu dan lada hitam pula sedang dicubakan. Dan dalam laporan-laporan yang telah disampaikan namapaknya percubaan tanaman-tanaman baru ini sedang mendapat kejayaan. Memandangkan kepada kejayaan-kejayaan tersebut itulah saya berkeyakinan penuh FELDA akan berjaya pula dalam tanaman padi. Selama ini tanaman padi hanya diusahakan oleh petani-petani kita

secara persendirian dan masih lagi menggunakan cara-cara tanaman yang traditional. Oleh yang demikian, jika FELDA diberi tugas menjalankan projek tanaman padi secara besar-besaran maka barulah boleh digunakan jentera-jentera moden dan cara tanaman yang lebih scientific. Peserta-peserta di rancangan ini hendaklah terdiri dari anak-anak petani dan pesawah-pesawah yang masih muda supaya mereka itu mudah dibentuk dan dilatih menggunakan cara-cara baru yang lebih berkesan dan dapat memberi faedah yang lebih banyak.

Saya percaya dengan cara yang demikian FELDA bukan sahaja boleh menunjukkan contoh yang baik cara-cara bertanam padi kepada petani-petani kita bahkan yang lebih penting dari itu FELDA boleh mengatasi dan memenuhi cita-cita Kerajaan untuk mengadakan makanan yang cukup bagi rakyat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ini bukanlah pula bertujuan hendak memperkecil-kecilkan kebolehan petani-petani kita dalam hal bertanam padi, tetapi ini berdasarkan kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Rancangan Muda sendiri, iaitu petani-petani atau pesawah-pesawah kita itu sentiasa terdedah kepada serangan berbagai penyakit ekonomi seperti padi kunca, penggadaian tanah, kenaikan sewa bendang dengan sewenang-wenangnya dan lain-lain lagi. Penyakit-penyakit ekonomi yang saya katakan tadi tidak mungkin dapat diatasi oleh petani-petani kita bahkan adalah di luar kebolehan mereka untuk menentangnya dengan secara individu.

Orang tengah yang modalnya berjuta-juta ringgit dan masak pula dengan berbagai tipu helah ekonomi itu hanya dapat ditentang oleh satu pertubuhan peladang yang besar dan teguh pula dari segi kewangannya. Untuk meletakkan tanah sawah petani-petani kita itu di bawah satu pentadbiran pusat, nyata-lah sukar dan akan mengambil masa yang lama maka itulah saya cadangkan buat permulaannya diberikan sahaja tugas menanam padi atas tanah 260,000 ekar itu kepada FELDA dan insya Allah sama-sama kita akan saksikan kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai kekurangan perkhidmatan bas terutamanya di Pulau Pinang. Perkhidmatan bas tidak cukup dan bas-basnya sentiasa rosak pula.

Bila tiba sahaja sebuah bas orang ramai berebut-rebut naik. Keadaan begitu menyebarkan mudahnya berlaku berbagai-bagai kekecohan seperti pergaduhan dan kecurian beg-beg duit dan wang ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kekurangan perkhidmatan bas di Pulau Pinang itu berpunca dari pembinaan kilang-kilang letronic. Syarikat-syarikat bas lebih mengutamakan mengangkut pekerja-pekerja kilang kerana mendapat bayaran maksima dan tetap pula. Untuk mengatasi masalah ini maka saya suka mencadangkan supaya Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan jangan lagi membenarkan syarikat-syarikat bas itu mengangkut pekerja-pekerja kilang dan sebagai gantinya hendaklah dikeluarkan lebih banyak lagi lesen-lesen bas kilang dan diberikan kepada bekas-bekas pasukan keselamatan kita yang mana pada masa ini masih banyak lagi yang menganggur.

Saya suka juga menarik perhatian Kementerian Kerja Raya dan Tenaga mengenai jalan-jalanraya yang sentiasa rosak dan berlubang-lubang. Salah satu faktor yang utama yang menyebabkan jalanraya cepat rosak ialah kerana jalan-jalan itu dilalui oleh lori-lori kontrektor yang muatannya berlebih-lebihan. Lori bermuat tanah merah umpamanya sudah muatannya melebihi dinding lori itu, larinya pula begitu deras sekali.

Ini menyebabkan tanah merah muatannya itu jatuh berterbangan mengenai kereta-kereta di belakangnya. Tanah-tanah merah itu bertaburan di kiri kanan jalan. Bila hujan turun jalan-jalan itu akan menjadi sangat merbahaya, terutama sekali kepada penonggang-penonggang motosikal dan basikal. Begitu juga dengan lori-lori yang bermuat batu-batu kecil. Saya sendiri biasa melihat anak-anak batu yang dimuatkan oleh lori itu terpelanting jatuh dan mengenai lalu memecahkan cermin kereta yang mengekori di belakangnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang mendukacitakan saya dalam hal ini ialah sikap tamak segolongan kontrektor-kontrektor untuk mendapatkan keuntungan yang maksima, mereka tidak memperdulikan kerosakkan jalanraya dan mengabaikan pula keselamatan lain-lain pengguna-pengguna jalanraya. Kejadian yang saya katakan ini masih berlaku hingga sekarang, iaitu di jalanraya Gelugor antara

lapanganterbang dengan Bandaraya Pulau Pinang. Jalan di situ berlubang-lubang dan sentiasa berlaku kemalangan dan sehingga hari ini sudah 15 nyawa terkorban di jalan yang saya katakan tadi, untuk mengatasi masalah ini, saya suka mencadangkan supaya dibuat satu undang-undang yang mewajibkan lori-lori yang bermuat batu, pasir dan tanah merah mestilah ditutup supaya benda-benda itu tidak berterbangan keluar. Undang-undang yang saya katakan ini sudahpun dilaksanakan oleh sebuah negara jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menyentuh tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan. Sudah lebih 16 tahun dasar itu dilaksanakan, tetapi sehingga hari ini dasar itu belum mencapai matlamatnya. Mengapakah terjadi demikian. "Lantaran ada beberapa batu penghalang yang cuba menyekat kelicinan perjalannya", demikianlah menurut kata Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam akhbar baharu-baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah penghalang-penghalang Dasar Pelajaran itu? Dalam pilihanraya yang baharu lalu kita tahu benar-benar ada parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab menggunakan Dasar Pelajaran itu sebagai issue-issue besar untuk menarik perhatian para-para pengundi supaya menyokong mereka. Mereka tidak segan-segan, tidak malu-malu bahkan berani mempermain-mainkan memutarbelitkan kandungan Dasar Pelajaran itu untuk kepentingan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, suara-suara sumbang itu bukan sahaja di laung-laungkan dalam kempen-kempen pilihanraya yang lepas bahkan sudah menular dalam Dewan yang mulia ini. Petang kelmarin, masih terngiang-ngiang di telinga saya suara-suara sumbang itu melemparkan tuduhan-tuduhan palsu kepada pihak yang berkuasa, kononnya Kerajaan telah menindas dan cuba menghapuskan bahasa China. Lebih anih dari itu, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah itu berani mempersoalkan penerimaan dan sokongan rakyat terhadap Dasar Pelajaran itu. Beliau cuba mencadangkan supaya diadakan pungutan suara bagi memastikan sokongan rakyat kepada Dasar Pelajaran itu. Bagi menjawabnya, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah itu bahawa pungutan suara dalam perkara ini

tidak perlu sama sekali. Keputusan pilihan-raya yang baharu lepas dengan terang dan jelasnya membuktikan bahawa rakyat negeri ini termasuk sebahagian besar orang-orang China menyokong Dasar Pelajaran itu dan menolak tuduhan-tuduhan palsu yang mendakwa Kerajaan cuba menghapuskan bahasa sesuatu kaum.

Saya mengambil peluang di sini menyeru Jawatankuasa Kabinet yang baharu ditubuhkan untuk menyemak perlaksanaan Dasar Pelajaran itu supaya tidak teragak-agak mengambil langkah-langkah positif bagi menjayakan dasar itu, dasar yang menjadi cita-cita yang suci rakyat negara ini.

4.25 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ini ialah ucapan Belanjawannya yang pertama. Beliau juga telah berkata bahawa oleh sebab keadaan kewangan dan ekonomi dalam dunia pada masa ini yang boleh dikatakan luar biasa, ianya susah hendak membuat ucapan tersebut, tetapi kepada saya ucapan yang telah dibuatnya itu adalah tersangat tinggi mutunya dan tersangat baik natiujahnya. Beliau telah memberitahu dengan terus-terang masalaah-masalaah dan kesusahan-kesusahan yang telah dialami oleh Kerajaan dan cabaran-cabaran yang mungkin dihadapi pada tahun hadapan.

Dalam ucapan itu, pada pandangan saya tidak ada sebutan yang melambung-lambung tinggi berkenaan dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai. Langkah-langkah yang akan diambil pun disebutkan dengan berterus-terang, dengan tidak disulami dengan kata-kata yang berlebihan, lemak-manis, ataupun ugutan-ugutan yang terkeras kepada mana bilangan dan golongan masyarakat dalam negeri kita ini. Oleh itu, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Daripada apa yang saya telah dengar semenjak beberapa hari ini, pada amnya ucapannya telah diterima baik oleh penduduk-penduduk di negeri ini. Saya mendengar ini bukan di Kuala Lumpur sahaja, tetapi juga masa saya balik ke kawasan saya di Padang Rengas baharu-baharu ini. Orang-

orang yang telah saya jumpai itu adalah dari segenap lapisan. Yang ada sungutan ialah berkenaan dengan kenaikan harga barang-barang dan pemuda-pemuda yang banyak memakai motosikal. Saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian yang lebih berat berkenaan dengan hal ini. Hal ini telahpun disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ramai telah bercakap dahulu daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong usul ini, saya mengambil peluang ini menyebutkan dua tiga perkara. Yang pertama ialah berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa keutamaan akan diberikan kepada daya usaha menambahkan keluaran makanan dalam negeri. Memandang keadaan yang sedang dihadapi oleh kita pada masa ini, pada tahun yang akan datang dan tahun yang selepasnya menambahkan keluaran makanan dalam negeri ini adalah terpenting sekali. Harga getah, kayu balak dan sebagainya telah turun dan bila akan naik sukar hendak dinujumkan. Kalau naik pun tidak dapat dijamin berapa lamakah berkekalan keadaan yang lumayan itu.

Kita dalam negeri ini sentiasa menjadi mangsa pergolakan ekonomi dunia. Turun dan naik harga barang-barang keluaran tidak semata-mata bergantung kepada mutu atau berapa banyak barang-barang itu dikeluarkan. Sebagai jaminan sekurang-kurangnya untuk mengurangkan kehipitan pahit yang menimpa kita dan orang-orang kita dari satu masa ke satu masa, setinggi-tinggi keutamaan patut diberi kepada segala daya-usaha menambahkan barang-barang makanan dalam negeri ini. Saya syorkan kepada Kerajaan mengeluarkan lebih banyak tanah kepada orang-orang kita di kampung-kampung dan di luar-luar bandar untuk tanaman padi dan barang-barang makanan yang lain.

Semenjak merdeka teknik menanam telah banyak diperelokkan dengan memakai jentera dan sebagainya. Ampangan-ampangan yang besar untuk mengadakan perairan dengan jagaan dan susunan masa yang tertentu telah dibinakan. Oleh itu, saya yakin dengan kemudahan-kemudahan tersebut serta ditambah lagi jika mustahak dasar menanam makanan ini akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dengan berkesan.

Yang dikehendaki, ialah keutamaan lagi kepada projek-projek yang berkenaan baik dari segi kewangan atau daya-usaha dari pihak yang berkuasa dan kerjasama yang sepenuh-penuhnya dari peladang-peladang dan penasihat-penasihat dan pemimpin-pemimpin mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada tanah, boleh jadi tanah yang dapat diuntukkan sekarang adalah terhad, kerana banyak telah menjadi kawasan hutan dan lain-lainnya. Tetapi ini adalah terpulang kepada timbangan dan kebijaksanaan Kerajaan-kerajaan Negeri menimbangkan, mana yang patut diberi keutamaan, menurut kepentingan rakyat dan negara. Dan lagi beberapa tahun dahulu, saya faham Kerajaan ada mengkaji bagaimana hendak menyuburkan semula tanah-tanah lombong yang telah dikeluarkan hasil buminya. Kalau boleh disuburkan semula tanah-tanah tersebut beribu-ribu ekar lagi boleh ditanam dengan barang-barang makanan kalau tidak padi, keledak, kacang goreng, sayur-sayuran dan sebagainya. Jikalau tidak beribu-ribu ekar akan berkekalan terbiar kosong dengan tidak ada apa pun gunanya kepada rakyat dan kepada negeri.

Saya suka juga mengambil peluang ini menyebut berkenaan perusahaan perbuatan iaitu "manufacturing". Kerajaan telah mengadakan kawasan-kawasan ini berdekatan dengan pekan-pekan yang besar dalam negeri ini seperti di Ipoh, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan sebagainya. Kawasan-kawasan itu sekarang penuh dengan bermacam-macam kilang hasil pelaburan tempatan dan juga pelaburan dari negeri-negeri asing. Dengan adanya kilang-kilang tersebut banyak pekerjaan telah didapati oleh rakyat negeri ini. Tetapi peluang dan kesenangan ini didapati dekat dengan bandar-bandar yang besar sahaja. Saya faham sebelum menanam modal yang banyak, pelabur-pelabur pentingkan jaminan berkenaan dengan cukup kuasa elektrik, pekerja-pekerja yang terlatih dan boleh dilatih, jalan-jalan dan lori-lori pengangkutan yang cukup dan juga perairan yang cukup. Tetapi saya yakin bahawa dengan dasar yang tertentu dan tegas, perusahaan-perusahaan buatan ini dapat dikembangkan hingga ke kawasan-kawasan luarbandar dan akan tidak berkekalan dimonopoli oleh bandar-bandar yang besar sahaja. Oleh sebab saya bukan

seorang pakar dalam ekonomi, saya tidak hendak membuat syor untuk melaksanakan hal ini dan untuk mengatasi masalah yang saya sebutkan tadi, tetapi saya harap hal ini akan dapat perhatian daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya diperkembangkan perusahaan-perusahaan pembuatan ini ke kawasan-kawasan luar bandar, sekurang-kurangnya ke pekan-pekan dalam kawasan-kawasan luar bandar seperti Lenggong dan Padang Rengas yang telah ada letrik, jalan-jalan dan perairan yang agak munasabah juga tentulah berkurangan anak-anak muda kita berduyun-duyun pindah ke bandar. Bila saya berada di kawasan saya baharu-baharu ini, di antara sungutan-sungutan yang telah saya dengar ialah banyak anak-anak muda di kampung-kampung telah lari ke Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan bandar-bandar besar yang lain. Dengan adanya kilang-kilang di tempat-tempat yang berdekatan akan ada banyak lagi peluang pekerjaan untuk mereka dalam daerah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang begini jikalau tidak diperbetulkan dengan segera, kampung-kampung kita akan tinggal dengan orang-orang yang tua sahaja. Orang-orang muda habis keluar, masuk berkhidmat dengan polis, askar, bekerja dengan Kerajaan dan bekerja dengan kilang-kilang di bandar-bandar yang besar, akibatnya akan jadi tidak baik dan saya haraplah soal ini akan diberi perhatian dan pertimbangan.

4.35 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan yang baru.

Biasanya setiap tahun apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan Belanjawan di Dewan ini, hati rakyat berdebar-debar. Tetapi pada kali ini nampaknya luar dari dugaan kita. Ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru boleh dikatakan seorang Menteri Kewangan yang berjaya. Saya katakan berjaya, kerana dapat Yang Berhormat Menteri itu menilai hasrat rakyat terhadap perkembangan ekonomi hari ini. Berapa

tingginya harapan rakyat kepada Kerajaan untuk menghapuskan ataupun mengurangkan penderitaan rakyat akibat daripada inflasi dan juga mengemukakan cara-cara bagaimana inflasi itu dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri itu juga berjaya menilai ketinggian hasrat rakyat terhadap sebuah Kerajaan yang baharu hari ini—Kerajaan Barisan Nasional, kerana harapan rakyat itu bukan sahaja berkehendakkan sebuah Kerajaan yang setabil tetapi juga sebuah Kerajaan yang setiap masa akan memenuhi hasrat rakyat, mengurangkan penderitaan dengan tidak mengenakan beban-beban cukai yang berat.

Di sini, saya hendak menyentuh berkenaan dengan hal perbelanjaan pembangunan. Yang pertama sekali terhadap dasar ekonomi kita. Dasar Ekonomi Baru telah dibuat dan telah berjalan hampir 4-5 tahun dan dari semasa ke semasa dikaji. Tetapi sebahagian besar rakyat di luar bandar masih bersungut, sejauh mana Dasar Ekonomi Baru ini dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membimbing dengan agak cepat sedikit rakyat di luar bandar ataupun bumiputra ke dalam dunia perniagaan ataupun dunia ekonomi. Kerana dasar 30% itu nampaknya bukan sebenar 30% tetapi barangkali kurang daripada itu, ataupun tidak ada alasan mengapa kita hendak letakkan 30% dalam projek pembangunan di waktu bumiputra masih ketinggalan jauh. Sedangkan swasta menjalankan dasar 100% kepada pihak yang bukan bumiputra. Pihak Kerajaan pula memberi 30%. Umpamanya UDA dan sebagainya menghadkan 30%, jadi yang 70% lagi itu terpulang juga kepada pihak yang bukan bumiputra. Ini bererti bumiputra mendapat 30% dan orang lain mendapat 70%. Jadi perimbangan ini senentiasa tercicir, dan saya berharap supaya dasar ini diperbaiki.

Dalam menubuhkan bandar-bandar baru yang hendak memimpin bumiputra ke dalam perniagaan, sepatutnya 30% itu tidak ada had, buat bandar Jengka ataupun tempat lain lagi, apa salahnya terus kita latih bumiputra 100% duduk di bandar baharu. Dengan kedainya, dengan perniagaannya, apa juga, letakkan bumiputra di bandar baharu berniaga. Seperti yang kita lihat hari ini di bandar-bandar besar ialah tempat bukan bumiputra. Sekarang, kita latih

bumiputra di sebuah bandar baharu, tetapi kadang-kadang kita melihat bandar baru dibuat, bumiputra 10% dan yang bukan bumiputra naik 90%, tidak ada pimpinan.

Jadi dalam tahun-tahun ke hadapan adalah diharap pihak Kerajaan dapat memperhebatkan dasar ini supaya benar-benar harapan penduduk-penduduk di luar bandar iaitu bumiputra tidak begitu keciwa. Mereka memberikan mandat kepada Barisan Nasional dan hendaklah diingat bahawa hampir-hampir 70% lebih pengundi-pengundi Barisan Nasional ialah dari luar bandar. Dengan sebab itu, adalah adil dan patut pihak Kerajaan lebih mengutamakan ekonomi di luar bandar dalam memimpin bumiputra ke dalam perdagangan dan lain-lain yang berhubung dengan hal ekonomi dengan lebih hebat lagi daripada masa-masa yang lalu. Dalam hal perdagangan dan perindustrian patutlah pihak Kerajaan melengkapkan bumiputra dengan diberi latihan yang cukup.

Dalam Titah Ucapan Di-Raja yang baru lepas, saya juga telah menyentuh supaya pihak perbadanan Kerajaan termasuk S.E.D.C., Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuat rancangan secara besar-besaran bagi melatih bumiputra dalam hal ilmu perdagangan dan kemahiran sebelum sesuatu projek perdagangan dibuat. Umpamanya sebuah kilang yang akan dibuat pada tahun yang akan datang, seperti kilang elastik, kilang kain, kilang garam, kilang baja dan kilang kertas, sebelum kilang itu ditubuhkan patutlah beberapa latihan diberi kepada pegawai-pegawai atau bumiputra yang hendak digunakan daripada awal, awal lagi. Janganlah waktu kilang itu tertubuh, baru hendak cari bumiputra, kemudian menjadi alasan tidak ada bumiputra yang pandai, tidak ada bumiputra yang mahir. Bagi orang-orang China sendiri pun mereka melatih bertahun-tahun sebelum sampai projek itu hendak dibuat. Umpamanya, sebelum talivesyen sampai ke tanahair kita, mereka sudah berlatih berkenaan dengan mekenik talivesyen. Apabila talivesyen sampai ke tanahair kita tidak ada masalah tentang kemahiran hendak mengelolakan talivesyen. Tetapi pada masa itu tidak ada pada bumiputra.

Saya mengambil contoh apa yang MARA telah buat, patut diberi pujian yang besar kerana melatih bumiputra mengambil jurusan

mekenik kapal terbang di Australia, di Indonesia dan di Manila sebelum Syarikat Penerbangan MAS ditubuhkan dahulu. Jadi apabila Syarikat Penerbangan MAS ditubuhkan, sudah ada bumiputra yang dilatih dan apabila mereka balik dapatlah masuk bekerja dalam Syarikat Penerbangan MAS. Dengan ini dapatlah kita melihat bumiputra bersama-sama mengendalikan sebuah perbadanan Kerajaan, Syarikat Penerbangan MAS. Kalau hari ini, baru kita hendak latih, saya rasa tidak ada seorang pun bumiputra dalam Syarikat Penerbangan MAS dalam bahagian mekenik, dalam bahagian engineer atau dalam bahagian pemandu kapal terbang. Saya harap pihak S.E.D.C. atau pihak perbadanan Kerajaan, UDA, PERNAS, PETRONAS, MARA dan lain-lain mestilah membuat initiative ini lebih awal untuk melatih bukan 10 orang, bahkan beratus-ratus orang bumiputra, kalau tidak dapat keluar negeri, di dalam negeri kita sendiri. Tahniyah juga patut diberi kepada PETRONAS sebagaimana yang saya maksudkan dalam percakapan saya ini. Sebelum syarikat minyak yang terbesar di tanahair kita ini hendak ditubuhkan atau diwujudkan, maka PETRONAS sudah awal-awal mengisytiharkan bahawa beratus-ratus biasiswa akan diberi kepada pemuda-pemuda kita di masa akan datang untuk mengambil bahagian dalam perbadanan PETRONAS. Jadi apabila perbadanan itu ditubuhkan kelak, maka kita akan melihat ramai juga pemuda-pemuda kita terutama bumiputra akan mengambil bahagian menjadi pegawai-pegawai yang mahir seperti engineer ataupun bahagian-bahagian kemahiran yang lain.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga diminta mengambil berat dalam hal kilang-kilang atau perusahaan di tanahair kita. Hendaklah membuat satu dasar baru iaitu dasar memerhati lebih berat lagi kepada syarikat-syarikat ini supaya tidak semata-mata mengambil keuntungan yang besar, dengan membebaskan harga mahal kepada rakyat dengan alasan rugi, minta naikkan harga lagi 5 sen, 8 sen, 10 sen dan 20 sen. Hendaklah dikaji adakah benar syarikat ini rugi ataupun syarikat ini berkehendakkan keuntungan yang berlebih-lebihan kerana apabila cukup tahun, kita boleh dengar bahawa ada syarikat yang untung \$2.3 juta, berbelas-belas juta, mereka tidak

rugi, tetapi apabila mereka membeli bahan-bahan mahal sedikit daripada luar negeri sekurang-kurangnya barangkali mereka tidak boleh untung lebih banyak, mereka cuba hendak menaikkan harga barang. Jadi dasar syarikat hendak menaikkan harga, hendak mengambil untung berlebih-lebihan ini patutlah dikaji, disiasat dan dinasihatkan oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari semasa ke semasa. Apa yang kita mahu ialah buatlah dasar kesenangan bersama, syarikat itu mendapat keuntungan sedikit—tidak rugi. Pembeli-pembeli dan pengguna-pengguna ringan bebanannya dengan membeli barang-barang itu dengan harga yang murah. Kerajaan pun dapat untung tetapi barangkali cukai sedikit, dan rakyat dapat bekerja, dan kawasan-kawasan luar bandar pun dapat dimajukan, tidaklah semata-mata syarikat itu memikirkan bahawa untung sahaja yang ada dalam kepalanya. Kalau mereka anggar tidak dapat untung pada tahun hadapan \$2 juta atau \$3 juta lagi, mereka sudah mula hendak meminta naikkan harga barang.

Saya tidak hendak mengkeritik Kerajaan menaikkan harga gula. Setelah pilihanraya yang baru lepas selesai rakyat terasa benar akan kenaikan itu, tetapi oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan maka harga gula naik itu pun kita tidak tahu adakah syarikat gula minta naikkan 10 sen kerana mereka sudah rugi. Saya tidak percaya mereka rugi. Kalau dibaca daripada penyata yang akan datang kita tidak tahu berapa puluh juta ringgit mereka akan untung. Barangkali harus mereka tidak untung lebih besar kerana tahun dahulu mereka untung berjuta-juta ringgit tetapi pada tahun ini mungkin mereka fikir sudah tidak untung lebih dan cuba hendak menaikkan harga barang. Saya harap pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan cuba meneliti lebih halus dalam perkara ini dan kita percaya pihak Kementerian itu telah berbuat begitu dan, saya minta di masa akan datang supaya mengambil perhatian yang lebih berat terhadap syarikat-syarikat yang cuba hendak menaikkan harga barang. Kebanyakan rakyat menderita, kalau hendak tahu pergilah ke kawasan luar bandar, kerana kenaikan harga barang hari ini. Penderitaan rakyat di kampung-kampung itu ditambah pula dengan harga getah murah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Menyentuh mengenai Kementerian Pertanian dan Pembangunan Desa yang bertujuan hendak menghapuskan atau mengurangkan inflasi di samping mem-banyakkan bahan-bahan makanan, Kementerian ini telah menyediakan 500,000 ekar tanah untuk dijadikan sawah ataupun tempat-tempat tanaman. Ini patut diberi pujian kerana Kerajaan memandang jauh sebelum inflasi semakin melarat, semakin berat, sebab harga getah murah, maka bahan-bahan makanan patutlah diperbanyakkan. Tetapi yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan pemasaran.

Saya menyokong saudara saya yang bercakap kelmarin bagaimana orang-orang di luar bandar menderita dengan pemasaran. Bagaimana banyaknya orang-orang di luar bandar terutama bumiputra mengusahakan tanahnya dengan bercucuk tanam, buah-buahan, sayur-sayuran, untuk menampung inflasi, tetapi kadang-kadang hendak dipasarkan barang-barang mereka itu sangatlah sedih sekali.

Pasaran hari ini di control, kita katakan oleh kebanyakannya bukan bumiputra. Orang-tengah ini tidak mahu mengambil barang-barang orang bumiputra. Ini patut kita pergi secara mendalam, bukan perkauman, bukan dari segi pemikiran perkauman, dari segi barang yang hendak dijual yang saya cakapkan ini iaitu seperti betek, nenas, ubi, keladi dan sayur-sayuran orang bumiputra tidak ada tempat yang kita hendak letak. Lori-lori pemborong bukan bumiputra ataupun orang-tengah tidak akan ambil sayur-sayuran yang ditanam oleh bumiputra. Mereka pergi ke kampung-kampung beli timun dengan harga 3 sen sekati walaupun di pasar boleh dijual dengan harga 30 sen, tetapi timun yang ditanam oleh bumiputra diambil dengan harga 4 sen dan kacang 3 sen. Apa sudah jadi? Dengan cara yang semacam ini orang Melayu memandang tidak ada guna dan faedah kerana tidak ada pasar yang hendak menjual. Akhirnya, mereka ambil parang tebas semua sayur-sayuran yang ditanamnya itu.

Apa yang saya maksudkan dalam hal ini, saya minta pihak Kementerian Pertanian dan Pembangunan Desa mengambil perhatian berat tentang pemasaran hasil tanaman kecil

di kampung-kampung. Kalau boleh control seperti juga yang dibuat oleh MAJUIKAN. Kita lihat betapa jayanya pemasaran MAJUIKAN walaupun tidak di semua negeri-negeri, tetapi di tempat-tempat yang dibuat MAJUIKAN itu tidaklah dapat satu kaum itu mengcontrol harga ikan itu mengikut sesuka hatinya. Sekarang dapat harga ikan yang baik. Begitu juga MAJU-TERNAK dapat control harga daging. Sesiapa yang hendak berniaga daging dengan harga yang sama dan sekian-sekian banyak daging sahaja diuntukkan. Kita melihat, umpamanya, di Petaling Jaya ada empat lima gerai bumiputra yang cuba berniaga daging, kerana dapat mengambil daging daripada satu punca yang sama harganya yang dicontrol di pasar dengan harga yang sama. Masaalah tinas-menindas tidak ada. Tetapi dalam hal tanaman, dalam hal sayuran, saya nampak belum dibuat. Jadi saya suka men-datangkan syor di sini supaya pihak Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar cuba pula membuat satu pemasaran umpamanya, buat Majutanaman atau Majusayuran. Control market sayur-sayuran. Maknanya apabila orang-orang di luar bandar hendak menghantar hasil tanamannya atau hasil sayurannya ke satu pasar mereka mendapat harga yang sama. Sesiapa juga yang menghantar barang-barang tanamannya ke pasar itu dapat harga yang sama dan sesiapa yang hendak mengambil daripada pasar itu untuk jualan runcit dengan harga yang sama. Jadi, tidaklah seperti hari ini di control oleh satu pihak, apabila barang-barang dari bumiputra, timun dibelinya dengan harga 4 sen, tetapi dengan orang-orang lain dibeli dengan harga yang lebih.

Saya suka memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kebanyakannya bumiputra yang bercucuk tanam di kampung putus asa, tidak ada tempat yang hendak diletakkan hasilnya di pasar untuk mendapat faedah sendiri. Bukan mereka ini malas seperti yang di sangka-sangka oleh setengah-setengah orang. Begitu juga dengan ternakan seperti telur ayam. Kita pernah melihat orang-tengah datang ke rumah orang-orang bumiputra mengambil telur dengan harga empat lima sen sebutir. Begitu juga, kita pernah dengar dahulu harga padi, sebelum adanya L.P.N. campurtangan, sebelum adanya FAMA campurtangan, mereka datang ke rumah orang-orang kampung membeli padi dengan

harga \$8-\$10 sepikul, tetapi apabila ada FAMA campurtangan, dan L.P.N. campurtangan orang-tengah ini tidak lagi bermaharaja lela. Barulah boleh pesawah-pesawah padi, penanam-penanam padi menarik nafas menjual padinya hari ini dengan harga \$20 atau hampir \$30 sepikul. Jadi saya minta disesuaikan dengan rancangan pertanian Kerajaan hari ini yang begitu besar pada masa akan datang supaya diambil berat berkenaan dengan pemasaran tanaman ini. Jadikan Majutananaman atau Majusayuran seberapa yang boleh supaya dapat pihak bumiputra di kampung yang akan memajukan tanahnya tidak menjadi sesia.

Berkenaan dengan pelajaran, saya suka hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan sekolah-sekolah kebangsaan, terutama sekali sekolah menengah sains di luar bandar. Banyak sangat sungutan yang tidak puashati, seolah-olah layanan kepada sekolah-sekolah di luar bandar dalam bahagian sains berbeza dengan yang diberi kepada anak-anak di sekolah-sekolah dalam bandar ini. Saya minta Kementerian Pelajaran mengambil perhatian berat. Saya tidak mahu menyebutkan adakah dengan sebab sekolah-sekolah sains di luar bandar itu tempat anak-anak Melayu belajar, dan di sekolah-sekolah dalam bandar tempat berbagai-bagai kaum belajar dan barangkali banyak yang bukan bumiputra. Kita tidak hendak menyentuh dalam perkara itu. Tetapi Kerajaan patutlah memberi layanan yang sama, baik dari segi alat perkakas, guru-gurunya dan juga tempatnya, sekolahnya, persediaannya dan lain-lain. Hal ini kadang-kadang menyedihkan. Ada guru-guru di luar bandar yang baik dalam hisab, sains, pada pertengahan tahun ditukarkan. Menderita murid-murid sekolah yang hendak meletakkan harapan kepada guru-gurunya supaya sampai cukup tahun dapat pelajaran hisab yang baik, dapat pelajaran sains yang baik, pada setengah tahun guru itu ditukarkan dengan alasan mustahak dihantar ke tempat lain. Saya rasa dasar yang seperti ini tidak usah buat.

Pertukaran yang seumpama ini bukan memberi kebaikan, tetapi merusakkan semua murid-murid dalam darjah itu. Pernah kita mendengar murid-murid mogok, tidak hendak belajar oleh sebab guru hisabnya ditukarkan. Saya harap hal ini mendapat perhatian Kementerian Pelajaran dalam

dasar hendak menukarkan guru-guru itu kalau cukup tahun atau awal tahun barangkali itu baik, tetapi kalau tengah-tengah murid-murid sedang belajar, sedap-sedap dengan seorang guru yang baik ilmu hisab dan ilmu sains, tiba-tiba dihantar ke tempat lain dengan tidak memikirkan apakah akibat kepada kelas itu, maka itu akan merusakkan dasar kerja-kerja Kementerian sendiri.

Berkenaan dengan kerja-kerja dalam Kementerian Pelajaran, walaupun kita tahu Kementerian ini mengalami keberatan oleh sebab ramainya guru-guru, ramainya kakitangan, tetapi sepatutnya sebarang kerja tidaklah boleh dilengahkan. Kalau sekiranya tidak cukup kakitangan barangkali Kerajaan kita mengizinkan untuk mengambil kakitangan yang banyak, tetapi di mana-mana mereka bersungut bahawa baik dari segi penyelenggaraan guru, sekolah dan sebagainya. Begitu juga berkenaan dengan surat-menyurat. Masing-masing bersungut terlampau lambat.

Baru-baru ini dua tiga hari yang lepas—pihak Kementerian tentulah membaca surat-khabar guru-guru yang berijazah di Muar setelah dua tiga tahun selepas daripada mengambil ijazah gajinya tidak berubah, gajinya masih gaji lama. Sepatutnya perkara seperti ini tidak berlaku, sehingga mereka hendak mogok, dan hendak meletakkan jawatan. Semuanya ini akibatnya berbalik kepada Kerajaan. Kita akan mengatakan Kerajaan tidak cekap, tetapi dasar Kerajaan baik, yang tidak baik barangkali setengah-setengah pegawai yang menjalankan dasar itu. Dua tahun keluar daripada Universiti, setengahnya itu dibiayai oleh Kementerian Pelajaran sendiri tidak mendapat layanan-layanan. Kalau guru ini balik ke sekolah kampung, kita tahu bagaimana dia belajar di mana dia mengajar, kita tahu di mana pay-sheet gajinya, kita tahu berapa gajinya yang mereka dapat, kita tahu pada tahun hadapan dia berkehendakkan gaji berapa, tidak payah menunggu sampai dua tiga tahun gajinya tidak berubah. Ini tidak patut lagi dibuat rayuan. Sepatutnya pihak Kementerian Pelajaran sendiri tahu guru balik itu berkehendakkan pertukaran gajinya, patut Kementerian sendiri yang menukarkan dengan tidak payah memakan masa sampai dua tiga tahun. Ini adalah satu daripada tanda-tanda yang rakyat bersungut balik kepada Kerajaan. Pada hal kalau hendak

dikiraikan perkara itu kecil. Hal-hal yang seumpama ini, saya berharap supaya pihak Kementerian Pelajaran akan mempercepatkan lagi kerja-kerja berhubung dengan guru-guru dan berhubung dengan sekolah-sekolah, pembinaan sekolah-sekolah dan sebagainya tidaklah sampai bertahun-tahun menunggu sampai menghantar rayuan atau menghantar petition atau mengugut hendak mogok, baru hendak diambil tahu menyelesaikan perkara ini.

Berhubung dengan Jabatan Kerja Raya, saya rasa patut kita memberi pujian kepada Jabatan Kerja Raya yang telah menjalankan projek pembangunan yang begitu hebat nampak jasa-jasanya. Jalan-jalannya baik di luar bandar dan di dalam bandar, tetapi pihak-pihak di luar bandar masih berkehendaklah khidmat Jabatan Kerja Raya yang lebih besar, yang lebih cepat dan kalau boleh tidaklah keutamaan diberi di dalam bandar sahaja, sebab kadang-kadang bila kita membuat permohonan alasannya selalu menyebut di bandar masih belum siap. Jadi jentera-jentera tidak boleh dihantar ke luar bandar. Saya rasa perkara ini patutlah ditimbang sebagai mana orang-orang di luar bandar bertahun-tahun berkehendakkan jalanraya, bukan jalanraya yang begitu baik seperti jalanraya di bandar, asalkan mereka boleh lalu dengan sekuternya dan setengahnya pula berkehendakkan jalanraya tanah merah tetapi jalan tanah merah pun tidak dapat. Yang anihnya rancangan-rancangan Jabatan Kerja Raya ini barangkali yang selalu kita nampak mereka kerap kali membelanjakan wang pada akhir tahun.

Pada akhir tahun selalunya berebut-rebut membetulkan jalan, berebut-rebut mengeluarkan belanja hendak menghabiskannya sebelum sampai bulan Disember. Daripada bulan Januari hinggalah bulan Oktober atau November kalau mereka memohon tidak mahu dikeluarkan wang, tetapi pada bulan Disember ketika mana ada baki wang berebut-rebutlah menampal jalan-jalan yang tidak patut ditampal pun ditampal dengan tujuan untuk menghabiskan wang sedangkan orang-orang di luar bandar menderita meminta jalan, tetapi tidak hendak diberi, tetapi apabila akhir tahun masih ada wang tambahan maka jalan yang tidak patut ditinggikan itu ditinggikan lagi, yang patut dua inci, dinaikkan menjadi tiga inci, yang patut empat inci dinaikkan kepada beberapa inci lagi dan yang tidak ada kena mengena

dicantik dan dilicinkan lagi. Tetapi orang-orang di luar bandar kadang-kadang meminta jalan bertahun-tahun tidak dapat. Wang tidak ada katanya. Saya berharap kalau hendak dibuat dasar itu dan kalaulah dasar itu tidak boleh dielak, tolonglah wang yang hendak dihabiskan itu dicurahkan ke luar bandar. Perhatikan jalan-jalan di luar bandar yang patut dibetulkan itu, bawa ke luar bandar dan curahkan wang itu ke sana. Dan tidak usahlah wang yang hampir hendak habis itu dicurahkan ke tempat-tempat lain yang telah begitu cantik untuk hendak menghabiskannya. Saya ingat dasar ini tidak sesuai dengan Kerajaan bertindak di dalam Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang. Tidak sesuai lagi dibuat seperti ini.

Berhubung dengan hal dakwah, saya suka hendak menyebut juga sedikit kerana dasar ini berkaitan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyebut fasal moral dan dakwah serta akhlak. Kita berharap bahawa Badan Dakwah yang dibuat oleh Kerajaan kita bukan semata-mata hendak merayu orang yang bukan Melayu masuk Islam atau kepada orang Islam sesama Islam. Tetapi merayu kepada semua kaum. Kalau rosak akhlak rakyat Malaysia, maka rosaklah semua rakyat Malaysia bukan sahaja orang Melayu atau China dan kerosakan itu juga berpunca dari sebab yang kita nampak dan yang juga kadang-kadang tidak nampak, tetapi satu daripadanya ialah pakaian, barangkali kita boleh kontrol. Dakwah itu sendiri bukan sahaja berkehendakkan syarahan-syarahan, tetapi dari pakaian yang tidak sopan boleh juga merusakkan akhlak semua kaum. Bukan sahaja orang Melayu, bukan sahaja orang Islam, tetapi juga orang bukan Melayu, umpamanya guru-guru di sekolah memakai mini-skirt sampai ke peha. Ini pun di perhatikan oleh murid-murid. Murid-murid disuruh memakai gown sampai ke paras lutut, tetapi guru-guru memakai pakaian yang singkat. Ini pun menyebabkan moral itu ditaburkan tidak sesuai pada tempatnya. Dari segi pakaian yang tak bermoral patutlah diperhatikan secara besaran-besaran untuk membasmi akhlak. Begitu juga pakaian-pakaian di pejabat. Saya minta Kerajaan mengawasi hal seperti ini. Kalau boleh biarlah dibuat satu peraturan bahawa sesiapa sahaja yang hendak datang ke pejabat baik lelaki ataupun perempuan, diadakan satu

cara pakaian. Ini Kerajaan telah membuatnya, tetapi kadang-kadang tidak diikuti. Pihak lelaki boleh ikut, tetapi pihak perempuan tidak boleh ikut. Kita nampak beberapa banyak mereka yang datang ke pejabat dengan mini-skirt. Setengah-setengahnya pula memakai pakaian untuk ke night club datang ke pejabat. Ini sudah tidak sesuai daripada segi dakwah moral. Ini nampaknya kecil tetapi moral itu berjangkit. Apa salahnya kalau sekiranya kita kawal pakaian untuk datang ke pejabat. Biar kita nampak bersopan—lebih bersopan dari segi pakaian wanita-wanita dan lelaki-lelaki kita ke pejabat. Ini boleh kita buat. Misalnya, pakai kain dan kebaya atau baju kurong, nampak cantik seperti yang telah dibuat oleh satu dua pejabat, umpamanya Bank Negara.

Kita tengok pekerja-pekerja wanitanya dengan pakaian batiknya boleh mengawal akhlak dan begitu sopan nampaknya. Begitu juga dengan MAS. Kita tengok pramugarinya yang di darat menyambut tetamu dengan pakaian batiknya iaitu kain batik dan kebaya, begitu sopan. Keindahannya bukan sahaja wanita itu sendiri, tetapi pakaiannya sendiri pun begitu indah dan sopan, dan kalau kita hendak suruh pelancung-pelancung membawa balik bukan sahaja dia membawa balik keindahan Malaysia, tetapi ada juga membawa balik keindahan akhlak, keindahan moral wanita-wanita kita yang bekerja di pejabat atau di mana-mana juga. Barangkali ini juga boleh meringankan keburukan dan akhlak satu daripada cabang dakwah yang boleh kita jaga. Kalau untuk pakaian sendiri ke tempat lain atau hendak pergi ke Night Club untuk ke majlis jamuan dan sebagainya, terpulanglah kepada saudara saudari memakainya. Tetapi kalau untuk datang ke pejabat ada batasannya. Sekiranya mereka tak memakai pakaian seperti ini, tidak usah masuk ke pejabat, jadi di mana-mana juga pelancung pergi ke pejabat kita, wanita-wanita dan pihak pegawai kita begitu bermoral pakaiannya. Tidak sesuka hatinya. Inipun saya rasa termasuk satu daripada dakwah dan bukan sahaja saya tujuhan kepada wanita Islam, tetapi kepada wanita semua kaum. Orang yang patut menjaga akhlak bukan sahaja orang Islam bahkan semua kaum patut menjaga akhlaknya. Kalau Malaysia hendak membasmi keburukan akhlaknya maka saya mintalah pihak Jabatan yang berkenaan supaya mengambil perhatian sedikit dalam perkara ini.

Saya suka menyentuh sedikit berhubung dengan Kementerian Pertahanan. Saya telah sebut dalam ucapan saya dahulu iaitu patutlah Kerajaan mengambil berat mengenai nasib askar-askar kita ataupun perwira-perwira kita daripada segi layanan. Gajinya saya tidak hendak sebut, sebab ini mungkin sudah dibuat oleh Kerajaan, tetapi pada segi layanan rumah-tangga. Saya mengalu-alukan rancangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang hendak membangunkan rumah-rumah murah untuk askar-askar kita yang tidak berumah. Ini patut diberi tahniah dan saya minta disegerakan. Kalau boleh diutamakan dalam projek pembangunan ini. Walaupun pada sektor awam juga berkehendakkan rumah yang lebih banyak, tetapi berikanlah keutamaan kepada perajurit-perajurit kita yang tidak berumah. Tak ada siapa yang hendak marah, tak ada siapa yang hendak kecil hati, kalau kita memberi keutamaan pembinaan rumah murah kepada askar-askar kita, kerana nasib mereka sungguh sedih, tak mempunyai rumah kediaman. Apa lagi kalau duduk di Kuala Lumpur, menyewa di belakang rumah orang, dengan air dan api dikontrol. Bagaimana nasibnya kalau meninggalkan rumah, mereka pergi ke sempadan menyabung nyawa untuk kita hendak hidup senang, untuk rakyat Malaysia hendak hidup senang tetapi askar kita tinggalkan anak isterinya dengan keadaan tidak sempurna. Biarlah ada satu rumah teres yang murah yang mereka boleh hidup dengan anak isterinya dengan bebas, tidak bergantung kepada orang lain. Inilah yang patut dibuat, supaya dapatlah askar kita dan perajurit kita menikmati rumah yang lebih baik.

Selain daripada itu kita dengar juga Menteri mengisytiharkan hendak mendirikan asrama untuk anak-anak perajurit. Inipun patut disegerakan untuk membaiki nasib mereka yang berpindah randah daripada satu tempat ke satu tempat, membawa anak-anak yang sedang belajar. Apakah nasib anak-anak itu apabila berpindah dari satu tempat ke satu tempat? Pelajarannya rosak. Jadi biarlah kalau boleh ada asrama di mana tempat-tempat penempatan askar yang besar, ada asrama untuk anak-anak mereka supaya bapanya yang pergi ke sempadan akan dapat berjuang, tidak lagi mengingatkan apakah nasib anak-anak di rumah, bersekolah atau tidak. Inipun patut diperbaiki dengan segera.

Saya kata segera, supaya diberi pertimbangan lebih dahulu daripada membuat rumah-rumah lain.

Saya suka menyentuh berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Saya suka memberi tahniah yang tinggi kepada pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya yang telah begitu cekap dalam menjalankan kerjanya, walaupun pilihanraya yang lepas hendak diadakan dalam keadaan yang segera, mereka cekap mengatur perubahan sempadan pilihanraya, yang begitu cepat meneliti, menganalisa daftar pengundi yang mendaftar lebih daripada sekali telah dipotong, dibuang sampai dua-tiga ratus ribu, walaupun perkara itu disungutkan oleh beberapa orang Pembangkang. Barangkali Ahli Pembangkang dari Kepong sendiri tak puas hati kerana pengundi dua-tiga ratus ribu tak ada dalam daftar, tetapi ini wajar yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Adalah wajar dan satu kecekapan saya boleh puji kerana orang yang membuat penyelewengan, penipuan hendak mengundi dua-tiga kali, tidak harus diberi hak mengundi, patut namanya dipotong. Tidak ada sebuah Kerajaan yang boleh ditubuhkan dengan cara penyelewengan undi, penipuan undi dan tiga-empat kali mendaftar. Dan ini saya kata merupakan satu kecekapan. Walaupun barangkali ada setengah Pembangkang memikirkan bahawa kalau nama orang-orang yang dipotong itu keluar mengundi, dia fikir dia boleh menang. Dia tak tahu yang kena potong itu barangkali daripada penyokong Barisan Nasional juga dan barangkali kalau yang dipotong itu mereka mengundi juga, boleh jadi wakil dari Kepong yang ada seorang itupun tidak ada dalam Dewan ini. Barangkali dia kalah semuanya. Inilah saya kata saya beri pujian yang tinggi kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya walaupun berkali-kali masalah ini diserang oleh Pembangkang. Tetapi apa yang telah dilakukannya itu adalah adil, patut dan wajar kerana ini merupakan satu tanggungjawab kepada negara, menjaga daripada musuh-musuh negara dan anti-nasional, yang cuba hendak memenangi pilihanraya dengan cara penyelewengan dan penipuan. Mereka tidak harus diberi hak mengundi. Itu sudah wajar.

Dan akhirnya ucapan saya, suka saya menggulung balik mengenai Rang Undang-undang Perbekalan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri merangkap Menteri Kewangan adalah satu Rang Undang-undang yang wajar seperti juga yang dikatakan oleh saudara saya yang lain-lain dan patutlah dihargai kepada Kerajaan kita yang lepas tahun 1974 kerana daripada Lapuran Ekonomi dapat kita melihat betapa kukuhnya Kerajaan kita, betapa kukuhnya kewangan kita, bukan sahaja kukuh kewangan dengan kelebihan wang simpanan, tetapi juga ringgit kita tidak pernah merosot seperti yang dialami oleh Kerajaan-kerajaan yang lebih maju atau lebih besar. Ini menunjukkan betapa cekap dasar kewangan kita, dasar negara kita. Dengan kecekapan itu, harus banyak bergantung kepada kecekapan pentadbiran kita dan inilah yang dikehendaki oleh rakyat iaitu sebuah Kerajaan yang cekap dan stabil.

Saya mengambil peluang di Dewan yang mulia ini memberi setinggi tahniah dan pujian kepada seluruh kakitangan dan pegawai Kerajaan yang telah bekerja dengan cekap dan dedikasi sehingga dapat kita menunjukkan kepada dunia bahawa pada tahun 1974 Kerajaan kita begitu cekap, stabil dan kukuh kewangan dan ekonomi negara kita, dan inilah yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang selalu diucapkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Bekerjalah dengan penuh dedikasi, bekerjalah dengan semangat kenegaraan. Masalah-masalah negara kita letakkan di hadapan. Inilah yang telah ditunjukkan kepada kita oleh seluruh pegawai dan kakitangan Kerajaan yang kita dapat melihat hasil daripada Rang Undang-undang Perbekalan dan Lapuran Ekonomi yang begitu stabil dan kukuh kewangan kita. Ini bukan sahaja ahli-ahli politik yang bekerja keras, tetapi juga kakitangan Kerajaan dan seluruh pegawai Kerajaan patut diberi pujian dalam hal ini dan diharap bahawa mereka itu akan meneruskan khidmat cemerlangnya pada masa hadapan iaitu pada tahun 1975. Kerana kita sedar bahawa tahun hadapan ialah tahun inflasi, stagflasi yang ada di hadapan kita. Ini berkehendakkan pegawai Kerajaan penuh dedikasi memberi perkhidmatannya, menolong pemimpin-pemimpin politik kita memikul tanggungjawab Kerajaan dan untuk memenuhi hasrat rakyat. Dan sambil itu pegawai Kerajaan juga harus ada di dalam hati dan fikirannya, bahawa besarnya harapan rakyat terhadap Kerajaan mengenai masalah tanah yang hendak dipercepatkan,

masaalah permohonan-permohonan yang hendak dipercepatkan, masaalah kesulitan yang hendak dipercepatkan mengatasinya, masaalah service yang hendak cepat diputuskan, hendak cepat dipertimbangkan, supaya rakyat kita tidak keciwa seperti yang saya sebutkan tadi yang terjadi pada satu dua Kementerian. Kerana dengan kekeciwaan orang-orang luarbandar ataupun rakyat akan mengakibatkan pukulan kepada muka Kerajaan. Jadi saya berharap pegawai-pegawai Kerajaan bekerjasama dalam perkara ini dengan terus menerus dan dapat menunjukkan kepada dunia bahawa tahun 1975 kita akan menghadapi suatu ekonomi atau kewangan negara kita yang begitu cemerlang, dan barangkali Dewan ini akan mendengar Lapuran Ekonomi, 1975 akan lebih kukuh dan wang kita akan lebih bernilai dan kemajuan-kemajuan negara kita akan lebih cepat dicapai daripada masa yang sudah-sudah terutama sekali berkenaan dengan nasib bumiputra dalam ekonomi dan perdagangan dan lain-lain supaya dapat diberi pertimbangan yang wajar.

Baru-baru ini saya mendapat lapuran daripada seorang bumiputra, contohnya tidak mendapat layanan sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan. Umpamanya dia minta pinjaman daripada bank sebanyak \$3 ribu kerana hendak membuka kedai tetapi bank itu berkehendakkan dia membawa 100 tandatangan pembeli. Saya anggap itu satu syarat yang ganjil juga. Seorang bumiputra hendak membuka kedai dan mahu pinjam \$3 ribu terpaksa membawa 100 tandatangan orang yang hendak membeli dikedainya, menandakan kedainya ada pelanggan 100 orang pembeli, baru boleh dapat pinjaman. Saya harap dasar ini tolonglah lihat, tolonglah beri perhatian bagaimana pemimpin-pemimpin kita selalu bercakap mengatakan pinjaman dua tiga ribu ringgit dengan tak payah diberi cagaran, boleh dapat pinjaman; pinjaman lima ribu ringgit tak payah diberi cagaran, boleh lulus. Tetapi apabila dia pergi mengadu kepada sebuah bank yang lain, pegawai bank itu tertawakan. Ini anih katanya. Kalau bank kami, boleh beri pinjam \$10,000 dengan tak payah cagaran, tetapi mengapa awak hendak pinjam \$3,000 sampai hendak minta 100 tandatangan pembeli di kedai itu? Ini satu contoh yang saya rasa patut diperbaiki, yang patut diteliti dalam dasar ekonomi dan dasar perdagangan terutama sekali terhadap nasib bumiputra.

Saya rasa itulah sahaja ucapan saya mengenai Ucapan Belanjawan dan saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975.

5.21 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975. Pertama sekali, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan Budget yang pertamanya. Saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) The Honourable Finance Minister in his Budget speech said that the Budget would be used as an active and dynamic instrument of Government's economic, fiscal and monetary policies, so as to effectively achieve our country's socio-economic aspirations. His predecessor in his final Budget speech last year said that the Budget was an instrument for the attainment of the people's aspirations for a more just and equal society. Thus, although there is a change of Finance Minister, the public philosophy and declared aims of the Budget have not changed. What is most unfortunate, however, is that also remaining unchanged too is the big gap between the declared Governmental aim and the practical results of the Budget.

The Finance Minister said that the Budget would seek actually to implement the objectives of the Second Malaysia Plan to "eradicate poverty by raising income levels and increase employment opportunities for all Malaysians regardless of race".

The 1975 Budget, however, appeared to be formulated in a fit of forgetfulness about the Second Malaysia Plan's objectives to eradicate poverty by raising incomes and increasing employment opportunities for all Malaysians regardless of race, for it does not take the people in that direction.

According to data from the Household Budget Survey of 1957/1958 and the Post Enumeration Survey of 1970, the average household income has increased from \$220 per month in 1957 to \$275 per month in 1970. This represents a 25% increase in average income over the 13 years period under review, and is approximately the same as the

per capita G.D.P. growth for the corresponding period. However, these figures give no indication of the actual distribution of income. It should also be noted that the average number of persons per household in the 1957/1958 survey was 4.8 persons and in 1970 this had increased to 5.6 persons. Available data are very disturbing. In 1957, the top 20% of the households received almost half of the total income. The next 20% got their proportionate share of about 20%. This left the remaining 30% to be shared among the bottom 60% of the population. By 1970, the situation worsened when the top 20% of the households increased their share to 56% of the total household income. The next 20% had somewhat the same as in 1957, while the bottom 60% received only 25% of the total income. In short, both the gap between the average income and inequality have increased substantially between 1957 and 1970.

The data analysed suggests that the poor may not only have become poorer in the relative sense that the gap between them and the rest has widened but also in the absolute sense that their actual incomes seem substantially less now than before.

The Economic Report for 1974-1975 offers the view that the Government's Second Malaysia Plan efforts must have changed the pattern of income distribution in Malaysia since 1970 although this sanguine view is not backed up by any statistical data.

However, it is pertinent to note a statement in the Treasury Report which bears quotation and, with your permission, I quote a paragraph of it from page 84—

"Inequality between the races contributed to only a relatively small proportion of the total inequality of incomes in the country and does not provide a sufficient explanation for the total inequality in the levels of living in Malaysia. Most of the total inequality is apparently due to inequalities within sectors and within each race due to occupational differences, as opposed to inequality between sectors and between races. The inequality comparison between races makes the unrealistic assumption that everyone within each race has the same income, viz., the monthly mean income for that race group whereas there are large differences in income within each race

group. The comparison of mean incomes by race can be misleading as it tends to understate the "poor" elements within each group."

This has come, and I hope it will serve as a refreshing antidote to the simplistic analysis which has often been dished out depicting the problem of poverty in Malaysia as basically a racial problem, where the "haves" and the "have-nots" are separated strictly by racial differences when in fact poverty transcends race lines.

However one looks at it, it is impossible to see the 1975 Budget as "an annual economic plan", to borrow the words of the Honourable Finance Minister, to eradicate poverty. In fact, it does not even relieve the accumulated sufferings and poverty of the poor as a result of the previous Budget which had been shockingly oblivious to the plight of the low income and the unemployed.

Taxes were originally devised in order to provide the revenue necessary to pay for functions performed by the State. This is still a major objective, but it should nowadays be one of several aims. Other purposes are redistribution of income or wealth, economic growth and management, discrimination between certain types of goods and services as regards both production and consumption, and encouragement of exports or discouragement of imports. As the primary objective of the Second Malaysia Plan and the Perspective Plan to 1990 is to eradicate poverty, the taxation policies of the Government should be similarly reoriented to have as one of its main purposes the redistribution of income and wealth.

I suggest that future Budgets can profitably include a section to state how they seek to further the objective of eradicating poverty and the redistribution of income and wealth by their new fiscal measures. Let us see how the new set of tax proposals in the 1975 Budget contribute to this objective of redistributing wealth and income to narrow the growing gap between the "haves" and the "have-nots" in the country. There is not very much on the credit side.

Excess Profits Tax on companies and other persons

There is, firstly, the 5% excess profits tax on companies having chargeable income in excess of 25% of its shareholders' funds or

\$200,000 whichever is the greater, which is expected to net \$15 million and on persons with a chargeable income which exceeds \$75,000 which is expected to yield \$3.5 million. The purpose of this tax, however, is to "curb inflation", to borrow the Honourable Finance Minister's words, "curb inflation by increasing savings" rather than prompted by any sense to redistribute wealth or income. I suggest that this tax should be used as an active instrument to redistribute wealth or income, and that companies making profits in excess of \$½ million or \$500,000 should be required to pay a 10% excess profits tax.

Road Tax on Motor Cycles

In contrast to the \$3.5 million from personal excess profits which the Finance Minister is collecting from the rich and the super-income earners drawing more than \$7,000 a month, he is extracting \$5.5 million from the low income Malaysians in the form of a \$10 increase in the road tax on motor cycles raising it from \$40 to \$50 a year. Why should the *ikan yu* get off so lightly while the *ikan bilis* bear heavier and heavier burdens when they are already sandwiched between rising prices and the fall in the purchasing power of their incomes?

From the point of view of a fairer distribution of wealth or income, this increase should be abolished. In fact, I am shocked that many local authorities, including the Malacca Municipality, are proposing to introduce licensing fees for bicycles, which will only add further hardships to the poor and work against the objective of a fairer distribution of income. I would take this opportunity to call on all local authorities to desist from such a levy which can only penalise the poor for their poverty, and run contrary to the Second Malaysia Plan objective to abolish poverty.

Separate Income Tax Assessment for Working Wives

The D.A.P. welcomes the long overdue separate income tax assessment for working wives and the removal of the absurd arrangement whereby a married couple pays more tax than two single persons with the same earnings. We are particularly happy because this had been one of the issues in the D.A.P.'s 1974 General Elections Manifesto.

However, the income tax laws need a thorough overhaul if it is to serve the objective of creating a more just and equal society through a fairer distribution of wealth and income.

I am told that when compared with other countries like India and Pakistan, the average tax rates applicable to a single person at low levels of income, say below \$10,000 per annum, are higher in Malaysia while beyond a level of income equal to \$15,000 a year, average tax rates in Malaysia are lower than other countries. In other words, the lower incomes are taxed at a higher rate while higher incomes are taxed at a lower rate, compared to other income tax structures. This is surely inequitable and not in accordance with the declared objective of creating a more fair and just society.

Thus, in removing totally the abatement of income tax in Sabah and Sarawak, as proposed in the present Budget, what is introduced is not so much harmonisation of taxes as the extension of an inequitable income tax system to our brethren in Sabah and Sarawak.

Despite the separate assessment of income tax for working wives, therefore, a complete restructuring of the Malaysian income tax laws is urgently needed. Such restructuring should provide for an enhanced rate for persons drawing \$20,000 and above per year, while those below \$15,000 or less should have their income tax burden reduced.

